

**TERJEMAHAN METAFORA *THIRUKKURAL* DARI BAHASA
TAMIL KE BAHASA MELAYU**

ANURANI A/P NAGARAJAN

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITY OF MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**TERJEMAHAN METAFORA *THIRUKKURAL* DARI BAHASA
TAMIL KE BAHASA MELAYU**

ANURANI A/P NAGARAJAN

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA PENGAJIAN
BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

**TERJEMAHAN METAFORA *THIRUKKURAL* DARI BAHASA TAMIL KE
BAHASA MELAYU**

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai penterjemahan *Thirukkural* Tamil ke bahasa Melayu. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis jenis-jenis metafora dan strategi penterjemahan metafora Tamil ke bahasa Melayu daripada sebuah buku trilingual terjemahan *Thirukkural* yang dijadikan sebagai data kajian. Pemilihan sampel adalah jenis pensampelan bertujuan kerana hanya memfokuskan kepada 40 metafora Tamil. Reka bentuk kajian ialah kaedah kuantitatif dan berfungsi sebagai kajian kes jenis deskriptif. Proses menganalisis strategi penterjemahan metafora adalah berlandaskan 7 jenis Taksonomi Newmark (1980). Rentetan daripada analisis strategi penterjemahan, ketepatan padanan maksud metafora Tamil dengan terjemahannya ke bahasa Melayu dinilai. Hasil dapatan kajian mendapati strategi penterjemahan yang kerap digunakan oleh penterjemah ialah strategi pertama iaitu menterjemah dengan mengekalkan metafora yang mempunyai ranah sumber atau imej yang sama dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu kerana boleh difahami dengan jumlah 25 kali (62.5%)

TRANSLATION OF *THIRUKKURAL* TAMIL METAPHOR INTO MALAY LANGUAGE

ABSTRACT

This study form on the translation of *Thirukkural* Tamil metaphor into Malay language. The main purpose of this study was to analys the strategies used in translating Tamil metaphor into Malay according to *Thirukkural* Trilingual book translation. The sample was selected based purposive sampling which focused on 40 Tamil metaphor. The method used in this study is descriptive based on the method. The process of analyzing these translation strategies are based on the bahasa Melayu version 7 of Larson's Taxonomy (1980). Based on the translation strategy analysis, the accuracy of Tamil metaphor was compared of the Malay Metaphor translation evaluated. The findings of this study showed that the most frequent translation strategies used by the translator is the first strategy which is word for word translation in which the word order is preserved and the words translated singly by their most common meanings at of context with a total of 25 times (62.5%).

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian kepada yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Sesungguhnya tiada kekuatan melainkan kekuatan Tuhan yang amat mulia. Terima kasih kerana dengan izin serta kurnia daripada Tuhan kajian ini dapat disempurnakan dengan baik.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Prof.Dr.Krishnavenie Shunmugam, En.Elanttamil Maruthai dan En.Supramaniam, Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya yang telah memberi peluang dan ruang kepada pengkaji untuk meneruskan pengajian di peringkat sarjana Pengajian Bahasa Moden. Bersyukur kepada Tuhan yang telah memberi pelbagai nikmat sepanjang menyempurnakan disertasi ini. Semuanya dengan izin Beliau.

Sejuta penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada Prof.Dr.Krishnavenie Shunmugam selau penyelia dan pensyarah yang sentiasa membimbing dengan nasihat yang membina dan tunjuk ajar sepanjang proses menyiapkan penulisan disertasi ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof.Dr.Krishnavenie Shunmugam, En.Elanttamil Maruthai dan En.Supramaniam yang telah mencurahkan ilmu, memyumbang pandangan dan berkongsi semangat kepada pengkaji sepanjang pengajian dan penyediaan disertasi ini. Tunjuk ajar kalian amat bermakna bagi pengkaji sebagai pelengkap diri untuk menyumbang ilmu kepada masyarakat.

Ribuan terima kasih juga kepada semua tenaga pengajar dan kakitangan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya khususnya kepada pihak pejabat Ijazah Tinggi Fakulti Bahasa dan Linguistik, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik yang sentiasa menghulurkan khidmat dan kerjasama di sepanjang tempoh penulisan disertasi ini. Semoga Tuhan membalas jasa-jasa kalian dunia dan akhirat.

Akhir kata, kepada dua insan yang disayangi iaitu ibu, anak-anak saya dan ahli keluarga saya yang tidak jemu mendoakan kejayaan pengkaji. Juga kepada suami yang dicintai serta tidak dilupakan adik beradik yang dikasihi yang banyak membantu sepanjang pengajian pengkaji. Semoga Tuhan membalas jasa-jasa kalian dunia.

University of Malaya

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	vi
Isi kandungan	vii
Senarai Jadual	xi
Senarai Rajah	xii
Senarai Singkatan	xiii

BAB PERTAMA : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	8
1.3 Objektif kajian	10
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Batasan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Pengenalan Ringkas Bahasa-Bahasa yang Dikaji	12
1.7.1 Bahasa Tamil	13
1.7.2 Bahasa Melayu	13
1.8 Organisasi Bab	15
1.9 Kesimpulan	16

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	17
2.1 Definisi Metafora	17

2.2 Teori Imej	25
2.3 Definisi Metafora Dari Persektif Bahasa Tamil	28
2.4 Kajian-kajian Lepas Yang Berkaitan	30
2.5 Taksonomi Aristotle	36
2.6 Taksonomi Lakoff dan Johnson (1980)	38
2.7 Taksonomi Newmark (1988)	43
2.9 Tipologi Strategi Penterjemahan Metafora Newmark	45
2.10 Kesimpulan	48

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	50
3.2 Latar belakang sampel kajian	51
3.3 Tata cara kajian	51
3.3.1 Kaedah Perpustakaan	51
3.3.2 Analisis <i>Thirukkural</i>	52
3.3.2.1 Rasional Pemilihan <i>Thirukkural</i>	53
3.3.2.2 Sinopsis <i>Thirukkural</i>	53
3.4 Pengumpulan Data	54
3.4.1 Kaedah Pengumpulan Data	54
3.5 Prosedur Kajian	56
3.5.1 Peringkat Pertama	56
3.5.2 Peringkat Kedua	56
3.5.3 Proses Analisis Data	57
3.6 Persampelan data	60
3.7 Kesimpulan	61

BAB 4 PENGANALISISAN DAN TAKSIRAN DATA

4.1	Pendahuluan	62
4.2	Dapatan Kajian Secara Menyeluruh	62
4.2.1	Bentuk Metafora konsepsi Tamil dalam <i>Thirukkural</i> .	63
4.2.1.1	Metafora konkrit bukan hidup.	67
4.2.1.2	Metafora Konkrit Hidup Tumbuhan	68
4.2.1.3	Metafora Konkrit Hidup	68
4.2.1.4	Metafora Konkrit Haiwan	69
4.2.1.5	Metafora Abstrak	69
4.3	Analisis Strategi Terjemahan Metafora dalam <i>Thirukkural</i>	70
4.3.1	Strategi mengekalkan metafora yang mempunyai rana sumber atau imej yang sama dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu (S1).	71
4.3.2	Strategi menggunakan komponen sumber yang lain dalam bahasa Melayu. (S2)	77
4.3.3	Mengekalkan metafora Tamil walaupun ia janggal dalam Bahasa Melayu.	79
4.3.4	Strategi menterjemah maksud metafora (S5)	80
4.4	Sejauhmanakah penterjemah dapat mengekalkan maksud metafora dalam versi Tamil <i>Thirukkural</i> ke dalam bahasa Melayu?	83
4.5	Penutup	85

BAB 5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	87
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	87
5.2.1	Jenis-jenis Metafora	87
5.2.2	Strategi-strategi penterjemahan yang digunakan	90

dalam pengalihan metafora dari *Thirukkural* ke dalam bahasa Melayu

5.2.3	Apakah strategi yang paling kerap digunakan?	91
5.3	Sejauhmanakah metafora bahasa Tamil <i>Thirukkural</i> dikekalkan dalam bahasa Melayu?	92
5.4	Implikasi kajian	92
5.5	Kajian Lanjutan	93
5.6	Penutup	94
6.0	Bibliografi	95
7.0	Lampiran	99

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 Terjemahan <i>Thirukkural</i> dalam bahasa-bahasa asing	5
Jadual 1.2 Pembahagian bab dalam <i>Thirukkural</i>	7
Jadual 3.1 Proses Mendapatkan Data	55
Jadual 3.2 Proses Analisis Data	58
Jadual 4.1 Jenis Metafora dalam <i>Thirukkural</i> berdasarkan Taksonomi Nilsen & Nilsen	64
Jadual 4.2 Bilangan Kural Metafora Dalam Bahagian Kebenaran.	64
Jadual 4.3 Bilangan Kural Metafora Dalam Bahagian Kebendaan.	65
Jadual 4.4 Peratus Kekekapan Penggunaan Metafora Di Bahagian Kebenaran dan Kebendaan Dalam Karya <i>Thirukkural</i>	66
Jadual 4.5 Kategori Metafora di Bahagian Kebenaran dan Kebendaan <i>Thirukkural</i> Berdasarkan Taksonomi Nilsen & Nilsen.	66
Jadual 4.6 Jumlah Kekekapan dan Peratus Penggunaan Strategi Terjemahan Metafora <i>Thirukkural</i> ke dalam bahasa Melayu.	71
Jadual 4.7 Senarai Strategi Penterjemahan berdasarkan Kategori Jenis Metafora Nilsen & Nilsen	71
Jadual 4.8 Penggunaan S1 dalam Penterjemahan Metafora	72
Jadual 4.9 Penggunaan S2 dalam Penterjemahan Metafora.	77
Jadual 4.10 Penggunaan S3 dalam Penterjemahan Metafora.	79
Jadual 4.11 Penggunaan S5 dalam Penterjemahan Metafora	80
Jadual 5.1 Jenis Metafora dalam <i>Thirukkural</i> berdasarkan Taksonomi Nilsen & Nilsen	88

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1 Klasifikasi Metafora Nilsen & Nilsen (1978)	27
Rajah 2.2 Rumusan Satu Bentuk Analogi	38

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

Metafora	Singkatan
Konkrit bukan hidup	KBH
Konkrit haiwan tumbuhan	KHT
Konkrit hidup	KHD
Konkrit haiwan	KH
Metafora	M
Penggolongan metafora	PM
Prosidur Terjemahan	PT
Bahasa sumber	Bsu
Bahasa sasaran	Bsa

Bab 1

Pendahuluan

Penterjemahan bermaksud menghasilkan satu karya (teks sasaran) yang merangkumi makna yang hampir sama dengan satu karya bahasa asing (teks sumber). Dalam penterjemahan pasti wujud perbezaan antara bahasa sumber (BSu) dan bahasa sasaran (BSa); bahasa sumber ialah teks asal yang hendak diterjemahkan oleh penterjemah, manakala bahasa sasaran pula ialah versi bahasa selepas proses penterjemahan berlaku (Abdelhamid,2004).

Penterjemahan metafora ialah satu daripada skop penterjemahan yang sering dikatakan oleh pakar-pakar linguistik (Dagut, 1976; Abdelhamid, 2004; Kovecses, 2010). Proses ini bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan memandangkan dua bahasa yang berbeza sudah tentu mempunyai aspek bahasa yang berbeza seperti aspek kebudayaan dan aspek komunikasi.

Bersandarkan kepada kepentingan penterjemahan dalam usaha membangunkan intelektual bangsa dan negara, kajian ini berfokuskan penterjemahan metafora dalam *Thirukkural* yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh Dr.G.Soosai Ph.D dengan judul '*Thirukkural* Kitab Murni'(1978 &1991)

Perkembangan bahasa dan sastera Tamil dapat dilihat dalam dua jangka masa iaitu Zaman Sanggam (tahun 500 Sebelum Masihi sehingga 100 Tahun Masihi) dan Zaman Pasca Sanggam (100 Tahun Masihi sehingga 600 Tahun Masihi). Zaman Sanggam pula dibahagikan kepada tiga era iaitu Zaman Sanggam Awal, Zaman Sanggam Pertengahan dan Zaman Sanggam Akhir. Setelah zaman ini berakhir, muncul pula zaman kegelapan

atau zaman pasca-Sanggam. Zaman kegelapan ini bermula di kota Madurai (Ghadigachalam, 1994). Setelah raja-raja Pallava dan raja-raja Kalappira menyerang dan menakluki wilayah-wilayah di sekitar Madurai, maka kerajaan-kerajaan Tamil ini mula mengalami zaman kegelapan seperti yang dinyatakan di atas. Oleh sebab bahasa Tamil bukan merupakan bahasa ibunda raja-raja Pallava dan raja-raja Kalappira, maka kekuasaan dan pengaruh bahasa Tamil sudah mula hilang pada zaman tersebut.

Pada zaman pasca-Sanggam, munculnya lapan belas (18) buah hasil karya sastera etika yang disusun dan diberikan judul “Patinen KiilkkaNakku Nuulgal” (Ghadigachalam, 1994). Kesemua lapan belas (18) buah karya sastera ini berunsurkan nilai-nilai moral, etika dan prinsip hidup manusia dan *Thirukkural* merupakan salah satu daripada “Patinen KiilkkaNakku Nuulgal”.

Teks *Thirukkural* ini telah dikarang oleh Thiruvalluvar dalam bahasa Tamil sekitar 2500 tahun dahulu. *Thirukkural* merupakan sebuah karya agung yang unggul dan paling popular dalam kalangan masyarakat Tamil dari seluruh pelosok dunia. Hal ini demikian kerana *Thirukkural* merupakan sebuah karya tentang prinsip-prinsip etika dan moral yang menyeluruh seperti ketuhanan, kemanusiaan, politik, disiplin dan sebagainya.

Secara keseluruhan, *Thirukkural* mengandungi 1330 kural. *Thirukkural* terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama ialah *Aram* (Kebenaran) yang mengandungi 38 bab (380 kural). Bahagian kedua ialah *Porul* (Kebendaan) yang mengandungi 70 bab (700 kural). Bahagian ketiga ialah *Inbam* (Nikmat Cinta) yang mengandungi 25 bab (250 kural).

Bahagian kebenaran (*Aram*) menekankan etika-etika hidup seperti iman, keluarga suci,

kehidupan sederhana dan takdir yang harus diamalkan dalam rumah tangga dan alam pertapaan. Secara umumnya, kebenaran (*Aram*) membawa maksud kebaikan, sifat baik dan sifat murni. Konsep ini lebih menekankan setiap tingkah laku, pertuturan dan pemikiran seseorang individu yang seharusnya bersifat murni supaya tidak terpengaruh dengan unsur-unsur negatif.

Bahagian kebendaan (*Porul*) pula, merupakan usaha manusia untuk mencari kekayaan dan ilmu demi kehidupan yang sempurna dalam dunia ini. Oleh yang demikian, Thiruvalluvar telah mengarang prinsip-prinsip yang perlu diamalkan dalam sesebuah kerajaan, jemaah menteri, politik, persahabatan dan aspek terakhirnya ialah kebendaan.

Bahagian terakhir ialah kenikmatan cinta (*Inbam*) yang menekankan nilai-nilai hidup yang harus diamalkan oleh pasangan hidup bagi menikmati dan menghayati cinta antara kedua-dua insan mahupun sebelum berkahwin atau selepas mendirikan rumah tangga. Peringkat sebelum berkahwin dikatakan sebagai *KaLavuv Vaalkkai* manakala peringkat selepas mendirikan rumah tangga pula dikatakan sebagai *KaRpiyal Vaalkkai*.

Pengkaji memilih dua buah bahagian daripada *Thirukkural* iaitu kebenaran (*Aram*) dan kebendaan (*Porul*) untuk mengkaji terjemahan metafora *Thirukkural* Tamil ke dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, isu yang terdapat dalam kedua-dua bahagian ini lebih sesuai untuk semua golongan pembaca tanpa mengira umur. Manakala bahagian ketiga *Thirukkural* pula lebih kepada orang yang bercinta dan berumah tangga. Maka pengkaji tidak memilih bahagian ketiga untuk kajian ini.

Jumlah bab dalam *Thirukkural* ialah sebanyak 133 bab. Setiap bab mengandungi 10 *kural*. *Kural* merupakan nama khas bagi puisi-puisi yang terdapat dalam karya

Thirukkural. *Kural* merupakan puisi yang terdiri daripada dua baris. Baris pertama terdiri daripada empat kata manakala baris kedua pula terdiri daripada tiga kata sahaja. Istilah *kural* diguna pakai kerana Thiruvalluvar telah menghasilkan puisi-puisi etikanya dalam bentuk puisi *kural venba*. Perkataan ‘Thiru’ pula bermaksud perkara yang mempunyai sifat kesucian. Oleh itu, karya ini digelar *Thirukkural*. Contoh kural di bawah menunjukkan susunan *kural*.

(1) (2) (3) (4) (baris pertama)
அகர முதல எழுத்தெல்லாம் ஆதி
Akara Mudhala Ezhuththellaam Aadhi

(5) (6) (7) (baris kedua)
பகவன் முதற்றே உலகு. (kural 1)
Pakavan Mudhatre Ulaku

Sembahlah insan murni Illahi
 Nikmati inti pati puspa murni (Terjemahan kural BM)

Sastera klasik ini, menjadi pedoman kepada manusia agar menjalani kehidupan yang adil dan bijaksana. Ketakjuban terhadap keunggulan dan keunikan sastera etika Tamil ini dapat dilihat dalam aspek-aspek seperti falsafah, etika identiti budaya serta estetika.

Falsafah dan pedoman yang diutarakan oleh Thiruvalluvar amat tinggi nilainya. Menurut Karthigesu (2004), kandungan *Thirukkural* yang digubah oleh Thiruvalluvar ini dapat dibandingkan dengan hasil tokoh-tokoh atau ahli-ahli falsafah lain seperti Analekta Kong Hu Chu, Dialog Plato, dan Etika Aristotle. Pendapat ini dikukuhkan dengan kenyataan Albert Schweitzer melalui bukunya *Indian Thought and Development* (1978). Menurut beliau, pemikiran Thiruvalluvar dalam *Thirukkural* ini sukar dicari atau dibandingkan dengan kesusasteraan-kesusasteraan lain di dunia. Kenyataan ini jelas dapat dibuktikan dengan penterjemahan yang telah giat dijalankan terhadap karya sastera etika ini. Sehingga kini, *Thirukurral* telah diterjemahkan ke dalam 24 bahasa, iaitu bahasa-bahasa India, Asia dan Eropah. Jadual 1.1 menjelaskan perkara ini.

Jadual 1.1

Terjemahan *Thirukkural* dalam bahasa-bahasa asing

Bahasa	Bilangan terjemahan ke dalam setiap bahasa
1. Bahasa-bahasa India (9)	
a) Bengali	1
b) Gujarathi	2
c) Hindi	6
d) Kannada	2
e) Marathi	8
f) Malayalam	1
g) Sanskrit	4
h) Telegu	8
i) Urdu	1
2. Bahasa-bahasa Asia (5)	
a) Burma	1
b) Cina	1
c) Melayu	3
d) Sinhala	2
e) Fiji	1
3. Bahasa-bahasa Eropah 10)	
a) Czezh	1
b) Dutch	1
c) English	13
d) Finnish	1
e) Perancis	9
f) Jerman	5
g) Latin	3
h) Polish	2
i) Russia	1
j) swedish	1
Jumlah Bahasa = 24	Jumlah Terjemahan = 78

(*Thirukkural* Nuulgal,2000)

Tiga orang penterjemah telah menterjemahkan *Thirukkural* ke dalam bahasa Melayu.

Iaitu

1. Dr. G. Soosai Ph.D, *Thirukkural* Kitab Murni TamilNadu, Kuala Lumpur, 1978&1991.
2. Rajantheran.M. 2003. Karya agung Tamil *Thirukkural*, Terjemahan Pengertian dan Pembicaraan. Kuala lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

3. Teks *Thirukkural* yang diterjemahkan kepada bahasa Melayu dan Inggeris oleh Dr Singaravelu Sachithanatham (2013) terdapat dalam edisi lengkap, dan edisi pelajar.

Contoh kural terjemahan Dr.G.Soosai dapat dilihat seperti di bawah.

B.T - பிறவிப் பெருங்கடல் நீந்துவர் நீந்தார்

இறைவன் அடிசேரா தார். (குறள் 10)

B.M - Insan warak sebatian petua

Bersempat menempuh cabaran buana.

Contoh kural terjemahan dari Rajantheran dapat dilihat seperti di bawah.

B.T - துப்பார்க்குத் துப்பாய் துப்பாக்கித் துப்பார்க்குத்

துப்பாய் தூஉம் மழை. (குறள் 12)

B.M -Hujan menjadi keperluan untuk menghasilkan makanan bagi manusia; dan

hujan itu sendiri menjadi sebahagian makanan/minuman.

Contoh kural terjemahan Dr Singaravelu Sachithanatham (2013) terdapat

dalam edisi lengkap, dan edisi pelajar.

B.T - பிறவிப் பெருங்கடல் நீந்துவர் நீந்தார்

இறைவன் அடிசேரா தார். (குறள் 10)

B.M – Orang, yang merenungkan tapak kaki murni Tuhan, akan dapat menyeberangi lautan besar kelahiran; orang yang tidak merenungkan tapak kaki murni Tuhan, tidak akan dapat menyeberangi lautan itu.

Pengkaji memilih penterjemahan *Thirukkural* yang dilakukan oleh Dr.G.Soosai untuk kajian ini. Hal ini demikian kerana terjemahan yang dilakukan oleh Dr.G.Soosai telah disusun dalam bentuk puisi manakala terjemahan oleh Rajantheran dan Dr.Singaravelu lebih berbentuk prosa dan kurang menterjemahkan metafora yang terkandung dalam *Thirukkural* bahasa Tamil. Maka pengkaji dapat melihat lebih banyak metafora dalam terjemahan Dr.G.Soosai dalam bahasa Melayu.

Jadual 1.2
Pembahagian bab dalam *Thirukkural*

Bahagian	Jumlah bab	Jumlah kural
Kebenaran (<i>Aram</i>) <ul style="list-style-type: none"> • Kesyukuran kepada Tuhan • Kesyukuran terhadap hujan • Rumah tangga • Kebaikan bertapa 	38	380
Kebendaan (<i>Porul</i>) <ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan • Kabinet kerajaan • Politik • Persahabatan • Lain-lain 	70	700
Kenikmatan Cinta (<i>Inbattupaal</i>) <ul style="list-style-type: none"> • Sebelum kahwin • Selepas kahwin 	25	250
Jumlah Bab	133	1330

(Sudhananda Bharathi, 2003)

Dalam era globalisasi ini, manusia begitu sibuk mencari kekayaan dengan mengetepikan nilai-nilai moral. Thiruvalluvar menegaskan kepada manusia bahawa kekayaan itu seharusnya dicari berlandaskan nilai-nilai moral. Perkara ini diterangkan oleh Thiruvalluvar dalam bahagian ‘Kebenaran’ (*Aram*). Secara kesimpulannya,

Thiruvalluvar menjelaskan kepada kita bahawa pembangunan insan haruslah seimbang baik dari segi kebendaan mahupun kerohanian. Bagi aspek mental pula, karya *Thirukkural* membantu manusia untuk berfikir. Oleh itu, para pembaca dapat mengasah kemahiran berfikir mereka. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui penggunaan metafora yang merupakan pemangkin bagi menggalakkan kepada pelbagai jenis pemikiran

Bahasa yang digunakan oleh Thiruvalluvar dalam *Thirukkural* ini memperlihatkan pelbagai unsur keindahan bahasa dan mengetengahkan ketinggian ketamadunan dan nilai budaya bangsa Tamil. Di samping itu, dalam *Thirukkural* juga terdapat perlambangan makna dan maksud tersirat.

1.2 Pernyataan Masalah

Aspek utama yang dikaji ialah perbezaan metafora yang terdapat dalam karya *Thirukkural* bahasa Tamil jika dibandingkan dengan *Thirukkural* yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia. Masalah utama yang jelas kelihatan ialah perbezaan konteks budaya yang wujud dalam kedua-dua bahasa ini sehingga menyebabkan bahan yang diterjemahkan juga mengalami perubahan. Sebagai contoh, *Thirukkural* telah ditulis berdasarkan kehidupan masyarakat Tamil. Namun apabila diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu, metafora yang terdapat dalam karya *Thirukkural* tersebut telah diterjemahkan berpandukan kehidupan masyarakat Melayu. Selain itu, definisi yang diberikan juga lebih tertumpu kepada aspek bahasa Melayu. Misalnya, bahasa kiasan yang digunakan untuk menandakan sesuatu objek dan kelakuan adalah lebih tertumpu kepada aspek bahasa dan kehidupan masyarakat Melayu. Walaupun penterjemahan ini tidak menjejaskan makna asal

Thirukkural, namun penjelasan yang diberikan adalah terlalu singkat dan kadangkala mewujudkan kekeliruan makna kerana tidak mempunyai penjelasan secara menyeluruh. Hal ini demikian kerana bukan kesemua inti pati *Thirukkural* dapat diterjemah mengikut latar belakang masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan oleh aspek kepercayaan masyarakat India yang kurang diberi keutamaan oleh masyarakat Melayu misalnya kehidupan selepas menemui ajal.

Contoh kural 10

B.T - பிறவிப் பெருங்கடல் நீந்துவர் நீந்தார்

இறைவன் அடிசேரா தார். (குறள் 10)

B.M - *Insan warak* sebatian petua

Bersempat menempuh cabaran buana.

Dalam bahasa Tamil **பிறவிப் பெருங்கடல்** (*piravi perungkadai*) bermaksud kelahiran manusia ini berdasarkan 7 kelahiran bagi seorang manusia. Maka kehidupan ini seluas laut yang penuh dengan pelbagai cabaran. Manusia perlu menempuhi semua cabaran dalam kelahiran ini untuk mendekati Tuhan selepas kematian. Dalam penterjemahan bahasa Melayu, penggunaan frasa ***Insan warak*** merujuk kepada seseorang manusia, bukannya kelahiran seperti yang ingin disampaikan oleh Thiruvalluvar dalam *Thirukkural*. Perkataan ‘buana’ ialah perkataan yang berasal dari bahasa Tamil iaitu ‘buvanam’ yang bermaksud ‘dunia’. Perterjemah telah menggunakan perkataan ‘buana’ dalam bahasa Melayu untuk mengekalkan inti pati asal *Thirukkural*.

Setelah melihat cabaran terjemahan seperti yang dinyatakan di atas, pengkaji mengambil tindakan untuk mengkaji penterjemahan metafora dari 40 kural daripada dua bahagian *Thirukkural* iaitu kebenaran (*Aram*) dan kebendaan (*Porul*) ke dalam bahasa Melayu.

1.3 Objektif kajian

Objektif-objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti jenis-jenis metafora yang terdapat pada bahagian kebenaran (*Aram*) dan kebendaan (*Porul*) dalam teks *Thirukkural*.
2. Menganalisis strategi penterjemahan metafora dalam *Thirukkural* ke dalam bahasa Melayu.
3. Menghuraikan sama ada maksud asal metafora diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran.

1.4 Persoalan kajian

Kajian ini memberi perhatian khusus kepada bentuk-bentuk metafora bahasa Tamil dan bahasa Melayu di samping mengkaji strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah *Thirukkural* ini. Kajian ini berusaha untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah jenis-jenis metafora yang terdapat pada bahagian pertama (*Aram*) dan kedua (*Porul*) teks *Thirukkural*?
2. Apakah strategi-strategi penterjemahan yang digunakan dalam pengalihan metafora dari *Thirukkural* ke dalam bahasa Melayu?
3. Sejauh manakah metafora dalam bahasa sumber dikekalkan dalam bahasa sasaran?

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada beberapa kural yang dikenal pasti dan dipilih daripada

bahagian kebenaran yang mempunyai unsur metafora. Unsur-unsur yang telah digunakan oleh Thiruvalluvar dikaji secara terperinci berdasarkan beberapa aspek.

Analisis kajian ini dibataskan kepada penggunaan metafora yang terdapat dalam bahagian kebenaran (*Aram*) dan bahagian kebendaan (*Porul*) sahaja. Jumlah kural yang dikaji daripada kedua-dua bahagian ialah sebanyak 40 kural. Pengkaji akan mengkaji teknik penterjemahan metafora yang diguna pakai untuk menterjemah bahagian kebenaran (*Aram*) dan bahagian kebendaan (*Porul*).

1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini amat penting dan diperlukan kerana sepanjang pengetahuan penulis setakat ini, belum ada kajian yang seumpama ini dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan. Jika ada sekalipun, kajian-kajian tersebut tidak mengkaji sejauh manakah makna metafora diterjemahkan dengan mengekalkan maksud asal *Thirukkural*.

Selain itu, *Thirukkural* memainkan peranan penting dalam masyarakat Tamil. Kehidupan masyarakat Tamil dapat digambarkan melalui *Thirukkural*. Metafora dalam *Thirukkural* memainkan peranan penting semasa menyampaikan buah fikiran manusia. Apabila karya ini diungkap dalam bentuk penulisan atau pertuturan, buah fikiran seseorang dapat disampaikan secara indah, menarik dan berkesan.

Metafora dalam *Thirukkural* juga mengandungi nilai-nilai murni yang dapat diterapkan ke dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil. Di samping itu, karya ini juga menunjukkan keunggulan bahasa Tamil kerana mengandungi pelbagai mesej yang memerlukan pembaca untuk berfikir bagi memahaminya. Pembacaan *Thirukkural* dapat meningkatkan lagi daya intelek, rohani dan emosi masyarakat. Oleh itu, kepentingan

kajian ini adalah seperti berikut:

1. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi garis panduan bagi penterjemah-penterjemah teks-teks sastera khususnya kepada golongan penterjemah yang ingin menterjemah teks klasik Tamil seperti *Thirukkural* ke dalam bahasa lain.
2. Pembaca akan memahami makna metafora yang terdapat dalam dua budaya yang berbeza.
3. Kajian ini dapat menyumbang maklumat dan boleh dijadikan panduan kepada penterjemah muda supaya dapat mengetahui strategi penterjemahan metafora bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu.

Kajian ini tidak melihat sama ada sesuatu terjemahan yang dilakukan betul atau salah malah jauh sekali untuk mengkritik hasil penterjemahan yang dibuat, tetapi mengkaji jenis metafora dan makna terjemahan metafora yang dialihkan oleh penterjemah. Kajian ini lebih bertujuan untuk memberikan panduan kepada penterjemah lain yang berminat untuk menyahut cabaran melakukan penterjemahan bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu pada masa hadapan.

1.7 Pengenalan Ringkas Bahasa-Bahasa yang Dikaji

Bahagian ini menghuraikan secara ringkas latar belakang kedua-dua bahasa yang menjadi tumpuan dalam kajian ini. Penerangan ini dapat memberikan satu gambaran yang lebih jelas kepada pembaca yang ingin tahu perbezaan-perbezaan yang wujud antara kedua-duanya.

1.7.1 Bahasa Tamil

Bahasa merupakan identiti atau lambang sesebuah bangsa. Bahasa Tamil merupakan bahasa yang melambangkan identiti bangsa Tamil yang berasal dari India. Bahasa ini merupakan bahasa klasik dan salah sebuah bahasa utama dalam rumpun Bahasa Dravidia. Bahasa Tamil dipertuturkan oleh masyarakat berbangsa Tamil di Tamil Nadu (India Selatan), Sri Lanka, Malaysia, Singapura dan negara-negara lain di serata dunia.

Bahasa Tamil mempunyai tradisi literasi yang berterusan tanpa sekatan untuk jangka masa yang lama berbanding dengan bahasa-bahasa lain di dunia secara amnya serta dalam rumpun bahasa Dravidia secara khasnya. Contoh bahan penulisan Tamil terawal yang pernah ditemui dalam bentuk penulisan ialah batu bersurat. Walau bagaimanapun, banyak hasil penulisan kesusasteraan Tamil telah terhapus akibat bencana alam seperti banjir atau rosak dimakan anai-anai. Jangka masa kewujudan bentuk tulisan bahasa Tamil dalam alam Tamil juga sukar ditentukan kerana manuskrip-manuskrip yang ditemui telah dihasilkan dengan keropak (daun-daun palma) yang mudah terdedah kepada kerosakan.

Selain memiliki sejarah yang ulung, bahasa Tamil juga memiliki budaya tatabahasa dan kesusasteraan yang mantap. Teks terawal yang ditemui bertajuk *Tolkaappiyam*, menjelaskan tatabahasa Tamil pada zaman klasik iaitu pada tahun 500 Masihi. Bahan tersebut dikarang dalam bentuk puisi.

1.7.2 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu tergolong dalam keluarga Nusantara. Pada zaman kerajaan Sriwijaya,

bahasa Melayu kuno digunakan pada abad ke-7 hingga abad ke-13. Pada masa itu, bahasa Melayu kuno telah menjadi 'lingua franca' dan bahasa pentadbiran. Agama Hindu menjadi pegangan orang Melayu pada masa itu. Maka sistem bahasa Sanskrit yang menyumbang kepada pengayaan kosa kata dan ciri-ciri keilmuan bahasa Melayu.

Abad ke-13 merupakan zaman peralihan di kepulauan Melayu dengan berkembangnya agama Islam ke rantau ini. Keadaan ini telah mempengaruhi bangsa dan bahasa Melayu. Pengaruh Islam dan Arab menyebabkan pengaruh India berkurangan sedikit demi sedikit. Zaman kerajaan Melaka, zaman kerajaan Aceh dan zaman kerajaan Johor-Riau merupakan zaman-zaman yang memberikan kesan yang signifikan kepada kegemilangan bahasa Melayu klasik.

Zaman kerajaan Melayu Melaka merupakan zaman penting bagi bahasa Melayu. Kemajuan dan perkembangan bahasa Melayu berlaku di rantau ini kerana Melaka menerima Islam dan berjaya membina empayar yang luas. Dalam aspek pentadbiran dan aktiviti perdagangan, bahasa Melayu telah digunakan dan menjadi 'lingua franca' untuk para pedagang. Bahasa Melayu telah menjadi wadah komunikasi bagi penyebaran agama Islam ke seluruh kepulauan Melayu. Tambahan lagi, bahasa Melayu mendapat bentuk tulisan baharu iaitu tulisan Jawi. Melalui bentuk tulisan baharu ini, perbendaharaan kata juga bertambah dan ini secara tidak langsung telah membantu dalam pengungkapan idea-idea baik yang dibawa oleh peradaban Islam sehingga menyumbang kepada penghasilan karya-karya penting lebih-lebih lagi di Melaka. Keagungan kesultanan Melaka jelas tergambar dalam 'Sejarah Melayu', sebuah karya klasik Melayu hasil tulisan Tun Seri Lanang.

Pada abad ke-19, bermula bahasa Melayu moden sebelum penjajahan British. Pada

waktu itu, bahasa Melayu telah mencapai kedudukan yang tinggi. Bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa perantaraan, pentadbiran, kesusasteraan, dan bahasa pengantar di pusat pendidikan Islam.

Ketika Malaysia mencapai kemerdekaan, Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 pula menetapkan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa rasmi negara. Selain itu, Laporan Razak 1956 juga mencadangkan bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara.

1.8 Organisasi Bab

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama yang mengandungi bahagian-bahagian tertentu :

- Bab Pertama : Pengenalan

Dalam bab pertama, perbincangan mengenai dasar-dasar penulisan disertasi iaitu latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi konsep dan rangka kajian secara ringkas.

- Bab Kedua : Metafora dan Penterjemahannya

Bab ini akan mengetengahkan pelbagai aspek yang berkaitan dengan metafora iaitu definisi dan konsep bagi metafora Melayu, fungsi metafora serta jenis-jenis metafora Melayu. Selain itu, bab ini juga membincangkan tentang penterjemahan yang menjadi fokus bidang kajian ini iaitu jenis-jenis strategi penterjemahan metafora. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan penyelidikan ini turut dinyatakan dalam bab ini bagi mengenal pasti isu-isu permasalahan kajian di samping memenuhi kelompangan bidang penterjemahan yang masih belum dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas.

- Bab Ketiga : Metodologi Kajian

Bab ini akan menjelaskan reka bentuk kajian yang bersesuaian untuk mencapai objektif kajian, pemilihan sampel, pengumpulan data yang mengandungi instrumen kajian dan prosedur pengumpulan data. Akhir sekali, penganalisan data melalui Jadual Analisis Strategi Penterjemahan Metafora Tamil-Melayu.

- Bab Keempat : Analisis Kajian

Dalam bab ini, fokus perbincangan yang pertama adalah analisis strategi dan ketepatan padanan maksud penterjemahan Metafora Tamil-Melayu yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu analisis terperinci dan analisis keseluruhan dari sudut strategi penterjemahan dan dari sudut ketepatan padanan maksud metafora Tamil selepas diterjemahkan ke bahasa Melayu.

- Bab Kelima : Rumusan dan Cadangan

Dalam bab terakhir ini, rumusan kajian secara keseluruhan daripada bab keempat dinyatakan. Kemudian, saranan dicadangkan kepada pihak-pihak tertentu serta cadangan kajian lanjutan yang berkaitan dengan bidang penterjemahan metafora Tamil-Melayu.

1.8 KESIMPULAN

Dalam bab ini pengkaji telah membincangkan latar belakang kajian mengenai *Thirukkural*, diikuti dengan perbincangan mengenai pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian. Seterusnya, kepentingan kajian dan batasan kajian turut diberikan. Bab ini diharapkan telah dapat memberikan pengenalan yang secukupnya kepada tajuk kajian ini iaitu terjemahan metafora *Thirukkural* dari bahasa Tamil ke bahasa Melayu.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Sorotan kajian merupakan elemen yang penting dalam sesebuah kajian yang ingin dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan bidang yang ingin dikaji akan menjadi rujukan yang meluas sekali gus membantu pengkaji menjalankan kajian secara lebih terperinci. Dalam bab ini, pengkaji telah menjalankan kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai metafora khususnya bagi skop kajian ini. Dalam bab ini juga pengkaji menerangkan konsep metafora yang telah dikemukakan oleh sarjana barat dan Tamil. Pengkaji juga turut menerangkan teori-teori metafora dan strategi penterjemahan yang telah dipelopori oleh sarjana-sarjana bahasa. Beberapa kajian lepas yang berkaitan tentang tajuk juga turut disertakan dalam bab ini.

2.1 Definisi Metafora

Glosari Istilah Kesusasteraan (1988) menyatakan bahawa metafora merupakan bentuk kiasan atau analogi yang melambangkan sesuatu yang lain bagi menunjukkan terdapat ciri-ciri kesamaan antara keduanya.

The New Collins Dictionary Thesaurus (1991) mendefinisikan metafora sebagai satu bentuk ujaran perkataan atau frasa yang diaplikasikan kepada benda atau perbuatan dengan tidak merujuk kepada makna denotasi atau harfiah tetapi berujaran untuk

menunjukkan kesamaan.

Oxford Advanced Learner's Dictionary (1995) pula mendefinisikan metafora sebagai *'the imaginative use of word or phrase to describe as another object in order to show that they have the same qualities and to make description more forceful'*. Frasa tersebut bermaksud metafora didefinisikan sebagai penggunaan perkataan atau frasa yang kreatif untuk menggambarkan objek lain untuk menunjukkan persamaan sifat selain untuk memberi keterangan yang lebih kukuh.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010), metafora membawa maksud pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan (sebagai perbandingan atau kiasan).

Menurut *Collins Cobuild Dictionary Online* (2015), metafora merujuk kepada satu bentuk ujaran sama ada perkataan atau frasa yang diaplikasikan untuk benda atau perbuatan yang tidak mempunyai makna secara harfiah tetapi bertujuan untuk menunjukkan persamaan.

Menurut Hawkes (1972), perkataan metafora berasal daripada perkataan Greek yang membawa maksud *to carry over*. *Meta* bermaksud *over* manakala *pherein* membawa maksud *to carry* dengan kata lain:

It refers to a particular set of linguistic processes whereby aspects of one object are 'carried over' or transferred to another object, so that the second object is spoken of as if it were the first.

(Hawkes, 1972 ms1)

Tokoh pertama yang memberikan definisi metafora ialah Aristotle. Dalam bukunya yang bertajuk *Poetics*, beliau telah menjelaskan bahawa:

Metaphor consists in giving the thing a name that belongs to something else; the

transference being either from genus to species, or from species to genus, or from species to species, or on grounds of analogy.

Rose, B. (1958) telah membahagikan metafora mengikut aspek-aspek tatabahasa seperti kata nama, kata kerja, kata sifat, kata adjektif, kata keterangan dan kata depan. Kata sifat digolongkan dalam kata yang tidak statik dalam bahasa kerana sifatnya yang terserlah secara meluas dalam bahasa. Oleh itu, kata ini sangat mudah untuk berfungsi sebagai metaforik. Kata sifat ini dapat membina maksud metafora yang paling luas berbanding kelas ungkapan yang lain. Rose, B. (1958) juga berpendapat bahawa penggunaan metafora sering kali dapat dilihat dalam kata nama mengikut prinsip-prinsip yang tertentu. Kata nama yang membawa makna metafora dibahagikan kepada tiga jenis iaitu, subjek, objek serta subjek dan objek. Penggunaan metafora dapat dilihat melalui ketiga-tiga jenis makna ini.

Menurut Hawkes (1971), bahasa yang memberi makna kepada apa yang dituturkan itu biasanya menggunakan “*deria standard*” yang boleh menyampaikan makna dalaman melalui cara yang praktikal. Penggunaan metafora adalah bertujuan untuk mendeskripsikan sifat sesuatu objek yang dilihat itu dengan sifat objek yang lain dalam usaha untuk menyampaikan makna yang tersirat.

Hawkes (1971) berkata bahawa perpindahan bahasa yang pelbagai itu boleh dinamakan sebagai bahasa figuratif kerana makna bahasa tersebut dapat menimbulkan tahap kesusasteraannya. Selain itu, penggunaan metafora juga merupakan satu proses yang dijalankan bagi memindahkan buah fikiran dengan menggunakan objek sebagai pengganti semasa pertuturan.

Menurut Ricoeur (1978) pula, penggunaan metafora mengambil kira perkataan sebagai unit rujukan. Metafora boleh dikelaskan sebagai perkataan tunggal yang mempunyai makna figuratif. Dalam erti kata lain, penggunaan metafora sebagai satu teknik untuk mencantikkan bahasa dengan menggunakan persamaan dua buah objek.

Menurut Ricoeur (1978) lagi, Aristotle yang merupakan cendekiawan yang pertama memberikan definisi kepada istilah metafora. Aristotle telah mengkaji metafora berdasarkan asas semantik dan beliau juga menganggap perkataan sebagai satu unit dalam bahasa. Aristotle telah menganalisis metafora mengikut dua prinsip iaitu retorik dan puisi.

Berdasarkan pandangan Hawkes, Ricoeur dan Rose, dapat dirumuskan bahawa kata nama dan kata sifat merupakan dua jenis kelas kata yang kerap digunakan sebagai metafora. Ricoeur (1978, ms. 16) merumuskan kata nama dan kata sifat sebagai dua jenis kelas kata yang kerap digunakan untuk membina maksud metafora. Dalam usaha untuk mengenal pasti kedua-dua kelas kata ini, adalah penting bagi penyelidik untuk memahami sifat-sifat dan keunikan bagi setiap kelas kata tersebut.

Menurut Lakoff & Johnson (1980), ramai orang beranggapan bahawa metafora ialah hasil daripada imaginasi puisi dan penggunaan bahasa retorikal yang berbunga-bunga. Mereka juga berpendapat bahawa metafora ini wujud dalam kehidupan seharian bukan sahaja dalam bentuk bahasa, malah berupa pemikiran dan tingkah laku. Hal ini demikian kerana dalam sistem konseptual manusia, cara seseorang itu berfikir dan bertindak untuk membentuk metafora berlaku secara semula jadi. Maka jelaslah bahawa metafora merupakan struktur cara kita melihat, berfikir dan cara kita bertindak.

Lakoff (1993) menyatakan bahawa metafora merujuk kepada suatu konsep dasar yang wujud dalam pemikiran dan bahasa. Beliau membahagikan metafora itu kepada dua tahap iaitu tahap temurun (*generic level*) dan tahap khusus (*specific level*). Metafora pada tahap temurun merupakan metafora yang tidak ada sempadan budaya. Pada tahap ini, metafora menyampaikan makna melalui konsep. Contohnya: “matahari bersinar” memberi konsep “harapan” kepada orang ramai. Ini disebabkan oleh matahari yang terbit pada pagi itu merupakan permulaan bagi setiap hari (Lakoff, 1993, ms. 230-238).

Metafora tahap khusus pula lebih cenderung kepada konsep stereotaip yang disampaikan melalui sesuatu perkataan. Contohnya: “dia menyalak terhadap saya”. Pada pemahaman masyarakat tempatan, hanya “anjing” yang “menyalak”. Namun apabila seseorang itu dikatakan “menyalak”, perkataan yang digunakan jelas menunjukkan bahawa orang tersebut bertingkah laku kurang ajar (Lakoff, 1993, ms. 230-238).

Menurut Tumer (1990), metafora ialah alat kognitif penting yang terdiri daripada pemetaan struktur konsep domain sumber kepada konsep domain sasaran. Metafora konseptual terdiri daripada sasaran, sumber dan pemetaan. Konsep domain sasaran *tenor* (pendekatan tradisional) ialah domain yang difahami secara metaforikal, manakala domain sumber konseptual *vehicle* pula ialah domain sasaran yang sepatutnya difahami secara metaforikal. Oleh itu, domain sasaran bersifat abstrak manakala domain sumber pula bersifat konkrit. Sebagai contoh, pembaca boleh memikirkan sesuatu yang abstrak seperti ‘cinta’ dengan berpandukan pada sesuatu yang konkrit seperti ‘duit’, ‘perjalanan hidup’ dan ‘peperangan’.

Keris Mas (1998) pula berpendapat bahawa metafora ialah kiasan yang digunakan untuk

menjelaskan konsep yang abstrak dengan menggunakan konsep yang konkrit. Idea ialah satu konsep yang sukar untuk didefinisikan. Oleh itu, pengarang atau penterjemah beralih kepada konsep konkrit yang boleh memerihalkan 'idea' tersebut dengan menunjukkan atau membandingkan sifat-sifat yang wujud dalam tumbuhan, makanan, manusia dan sebagainya. Melalui cara ini, 'idea' yang bersifat abstrak ini dapat diterangkan dengan lebih jelas dan jitu.

Keris Mas (1988) juga menambah bahawa metafora sebagai perumpamaan. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat metafora tidak lagi diikat dengan makna dua lapis dan aspek yang dijadikan perbandingan tidak perlu disebut lagi. Di samping itu, beliau juga berkata bahawa metafora berfungsi sebagai salah satu unit ungkapan atau simpulan bahasa yang bermaksud bandingan atau analogi. Jika dilihat pada struktur sintaksis pula, metafora memainkan peranannya yang tersendiri sebagai suatu unit yang berfungsi tanpa perlu bergantung kepada unsur binaan ayat yang lain.

Contoh 1 :

Kata orang ada sekuntum bunga mawar di tempat kerjamu.

(Bunga mawar dijadikan metafora untuk merujuk wanita yang anggun)

Metafora sering dilihat sebagai fungsi kognitif dasar. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia selalunya melihat ciri-ciri umum sesuatu objek berdasarkan fakta, dan perkara seperti ini mungkin memerlukan kefahaman dan pembelajaran dalam usaha untuk memahami maksud sesuatu metafora yang diujarkan. Selain itu, metafora juga merupakan sejenis kiasan yang digunakan untuk melukis sesuatu konsep dengan ciri-ciri yang biasanya berkait dengan yang lain. Maka, seseorang pendengar atau pembaca perlulah mempunyai pengalaman atau pengetahuan yang boleh membantunya dalam memberikan perkaitan antara metafora dan maksud tersiratnya.

Menurut Asmah Hj. Omar (1996), definisi metafora tidak hanya terbatas sekadar bunga-bunga bahasa sahaja atau bahasa yang indah tetapi lebih dalam daripada pengertian tersebut. Dalam erti kata lain, metafora juga menggambarkan sistem konseptual sesuatu bahasa dan kepercayaan terhadap kebudayaan para penutur asli bahasa tersebut. Tambah Asmah Hj. Omar (1996) lagi, Metafora linguistik bermaksud ekspresi linguistik yang melibatkan ujaran, ayat, klausa, frasa atau kata yang berfungsi sebagai metafora.

Safian Hussain (1998), menerangkan bahawa metafora ialah penggunaan kata-kata yang bukan erti yang sebenar. Metafora menyatakan sesuatu yang lain daripada yang sebenarnya berdasarkan persamaan atau perbandingan. Metafora ialah satu bentuk kiasan atau analogi yang melambangkan sesuatu benda dengan sesuatu benda atau fenomena lain bagi menyamakan kedua-duanya dari segi fizikal, sikap, dan juga kesan atau implikasinya.

Metafora merupakan suatu elemen bahasa yang penting dalam kehidupan penulis dan orang ramai. Penggunaan metafora tidak hanya dipersembahkan dalam lirik dan sajak sahaja. Malah penggunaan metafora sebenarnya memainkan peranan penting dalam pembentukan pengertian dan konsep serta pengalaman. Maka, amatlah penting untuk mengubah konsep kepada sesuatu yang mungkin dicapai melalui metafora (Owen, 2001, ms. 15).

Menurut Lim (2003) dalam Maserah (2005, ms. 5), antara unsur yang sukar untuk diterjemahkan ialah unsur budaya kerana keunikannya yang tersendiri dan konsepnya bersifat kompleks. Pendapat ini sealiran dengan pandangan Puteri Roslina (2012, ms.

117) yang melihat kerja penterjemahan bukan sekadar proses linguistik malah merupakan satu penglibatan budaya

Menurut Ibrahim Ahmad (2008) pula, metafora dapat dilihat sebagai suatu proses linguistik yang memaparkan sesuatu benda yang didukung atau dipindahkan kepada benda lain. Menurutnya lagi, metafora dijadikan sebagai alat yang mengukuhkan pendapat seseorang melalui makna baharu yang hadir, di samping menjelaskan sesuatu perkara yang abstrak. Beliau juga berpendapat bahawa metafora sering dijadikan pengganti kepada sesuatu perkataan yang konkrit dengan cara menukarkannya kepada perkataan lain yang abstrak. Pendapat beliau selari dengan teori Lakoff dan Johnson yang telah memperkenalkan enam jenis metafora iaitu metafora usang, metafora lapuk, metafora ranca, metafora luasan, metafora klise dan personifikasi.

Berikut merupakan senarai metafora yang telah disebutkan:-

- i. Metafora usang - Kata-kata kiasan ringkas dan mudah dalam ayat.
- ii. Metafora lapuk - Kata-kata hiasan yang ditiru kerana terpengaruh dengan seseorang itu, tanpa mengambil kira kesesuaian dan ketepatan maksud metafora tersebut.
- iii. Metafora ranca - Dua atau banyak unsur perbandingan yang digabungkan tetapi bertentangan dengan imej yang disarankan.
- iv. Metafora luasan - Buah fikiran penulis diterangkan secara mendalam dengan perbandingan tertentu.
- v. Metafora Klise - Menjadi pembaca kepada peristiwa atau

- watak daripada sesuatu bahan atau data.
- vi. Metafora personifikasi - Memberi sifat manusia kepada sesuatu benda yang bukan manusia.

Pendapat Ibrahim Ahmad (2008) mempunyai persamaan dengan Teori Lakoff dan Johnson (1980) yang menyatakan bahawa metafora ialah unsur yang digunakan untuk membandingkan sesuatu objek.

Fadaee (2012) yang telah mengkaji sebuah novel bertajuk *Animal Farm*, menyatakan bahawa metafora memainkan peranan yang penting dalam pertuturan sesuatu konteks. Dalam kajiannya, beliau menerangkan bahawa metafora berfungsi sebagai alat bahasa untuk menyatakan maksud sesuatu buah fikiran secara ringkas. Beliau juga berpendapat bahawa penggunaan metafora akan mengindahkan komunikasi secara implisit jika dibandingkan dengan pertuturan biasa. Kajian tersebut telah menggunakan kaedah kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data.

Metafora mempunyai ciri yang mengatakan sesuatu secara tidak langsung atau adanya ketidaksesuaian antara perkara yang dikatakan dengan apa yang dimaksudkan. Metafora dianggap lebih efektif untuk menyampaikan sesuatu yang baru kerana metafora memungkinkan kita menjelaskan, menggambarkan, dan menginterpretasikan sesuatu yang baru melalui sesuatu yang sudah dikenali sebelumnya (Knowles dan Moon, 2006, ms. 11). Dalam penelitian ini, batasan pengertian metafora yang diambil merupakan metafora dalam pengertian yang luas. Dalam erti kata lain, metafora yang meliputi seluruh gaya bahasa yang menggunakan semantik lanjutan (*extension*).

2.2 Teori imej

Teori imej Ullman (1962, ms. 214-216) dan Nilsen & Nilsen (1978, ms. 169-171) telah mengemukakan cadangan yang lebih kurang sama. Ullman (1962) mencadangkan

empat kumpulan utama, iaitu metafora bercirikan kemanusiaan, bercirikan kehaiwanan, metafora abstrak kepada konkrit dan metafora sinestesis.

a. Metafora bercirikan kemanusiaan

Metafora bercirikan kemanusiaan (*anthropomorphic metaphors*) merupakan ujaran yang merujuk kepada benda yang tidak bernyawa dengan menggunakan bahagian badan manusia. Contohnya “*brow of a hill*”, “*the ribs of a vault*”, “*the mouth of a river*” dan sebagainya.

b. Metafora bercirikan kehaiwanan

Metafora bercirikan kehaiwanan (*animal metaphors*) dibahagikan kepada dua jenis. Pertama, metafora yang merujuk kepada tumbuhan atau objek, iaitu sesuatu nama tumbuhan atau objek yang tidak bernyawa diberikan kepada binatang, contohnya “*goat’s beard*”, “*dog’s tail*”, “*crane*”, “*cock of a gun*” dan sebagainya. Kedua, imej binatang seperti anjing, kucing, dan tikus dipindahkan kepada manusia yang boleh membawa pelbagai makna konotasi, misalnya watak binatang yang boleh bercakap seperti dalam cerita teladan kanak-kanak karya Aesop’ Fables yang berjudul *Animal Farm*.

c. Metafora abstrak kepada konkrit

Jenis metafora ini mengubah pengalaman abstrak menjadi konkrit. Antara contoh yang boleh dikaitkan dengan metafora jenis ini adalah seperti “*to throw light on*”, “*to put in a favourable light*” dan “*leading lights*”. Berdasarkan contoh-contoh frasa, jelas dapat dilihat penggunaan kata konkrit bagi memberi kesan kepada perkataan “*light*” yang abstrak.


d. Metafora sinestesis

Metafora sinestesis (*synaesthetic metaphors*) melibatkan perpindahan daripada satu

deria atau sifat-sifat deria kepada yang lain, contohnya “*warm voice*”, “*cold voice*”, “*loud colour*”, “*sweet voice*” dan sebagainya.

Teori Imej Nilsen & Nilsen

Nilsen & Nilsen (1978:170) turut mengemukakan satu sistem pengkategorian berdasarkan konsep abstrak dan konkrit. Kategori konkrit dapat dibahagikan kepada benda hidup dan bukan hidup. Subkategori benda hidup pula dapat dipecahkan lagi kepada kategori tumbuhan dan haiwan. Sistem yang diperkenalkan oleh Nilsen & Nilsen (1978) ini boleh diringkaskan melalui rajah di bawah:



Rajah 2.1 Klasifikasi Metafora Nilsen & Nilsen (1978)

(a) *Deification*: menggambarkan seseorang atau sesuatu dengan sifat-sifat ketuhanan/kedewaan. Contohnya, frasa “*Alexander The Great*” memperlihatkan

kekuatan seseorang yang disamakan dengan kekuatan Alexander yang disanjung sebagai dewa mengikut kepercayaan Barat.

(b) *Synaesthetic Metaphors*: melibatkan pindahan daripada satu deria atau sifat-sifat deria kepada yang lain, contohnya “senyuman manis”.

(c) *Animalification*: pemakaian sifat-sifat haiwan kepada manusia atau benda lain. Contohnya, “dia menikus”.

(d) *Plantification*: merujuk kepada pemberian sifat-sifat tumbuhan kepada seseorang atau sesuatu. Contohnya, “dia kurus melidi”.

(e) *Reification*: merujuk kepada proses penukaran sesuatu keadaan yang abstrak kepada konkrit. Contohnya, ‘lautan rindu’ ‘gunung harapan’

Terdapat persamaan antara penggolongan Ullman (1962, ms. 214-216) dan Nilsen & Nilsen (1978, ms. 169-171). Persamaan yang dapat dilihat ialah metafora kehaiwanan dan metafora pengkonkritan. Namun bagi skop kajian ini, penggolongan Nilsen & Nilsen (1978) akan digunakan kerana jenis penggolongannya lebih sesuai bagi kajian ini. Item leksikal metafora dalam kajian ini mudah digolongkan mengikut cadangan Nilsen & Nilsen (1978) kerana jenis-jenis metafora yang terdapat dalam bahasa Tamil sepadan dengan klasifikasi metafora Nilsen & Nilsen seperti yang dipaparkan dalam Rajah 2.1. Tambahan lagi, unsur-unsur selepas kematian dapat diterangkan berdasarkan teori ini.

2.3 Definisi Metafora Dari Persektif Bahasa Tamil

Menurut Rajagopalachariyar (1963), metafora tidak membandingkan akan sesuatu objek secara berasingan sebaliknya perkara yang dibandingkan sudah sedia ada wujud dalam metafora. Contoh di bawah, menjelaskan metafora.

Contoh 1: Metafora

மதி முகம்

Bulan muka (terjemahan terus)

Muka bulan

Cuburetiyar (1988, ms. 241), menyatakan bahawa sesebuah puisi dapat diindahakan melalui penggunaan metafora. Penggunaan metafora dalam puisi akan menyampaikan mesej dengan penuh keputisan. Berdasarkan pengertian ini, beliau menyimpulkan bahawa penggunaan metafora mempunyai peranan yang amat luas dalam puisi.

Menurut beliau lagi, naluri intrinsik manusia selalu cenderung untuk membuat perbandingan pada setiap benda di hadapan mata mereka. Perkara ini merupakan kejadian semula jadi. Walaupun benda yang wujud mempunyai perbezaan fizikal, ia mempunyai perhubungan yang rapat dari segi bentuk dan rekaan. Ciri-ciri perhubungan seperti inilah yang dapat dirasai dan diluahkan melalui nukilan sastera oleh penyair.

Kailasapathy (1970, ms. 52) juga ada menerangkan defnisi metafora. Menurut beliau, metafora mempunyai maksud mendalam serta lebih kompleks. Metafora merupakan pembentukan perasaan dan kelahira minda. Metafora juga memainkan peranan yang berbeza dalam penyampaian maksud dan tema sesebuah puisi. Di samping memperkaya puisi, metafora menjadi pendorong inspirasi kepada pembaca untuk menghayati sesebuah puisi secara mendalam. Beliau juga menambah bahawa penggunaan metafora merupakan dasar dalam sesuatu puisi. Ia menjadi jiwa sesebuah puisi serta dapat menerangkan sesuatu yang lebih kompleks dengan perbandingan imej yang mudah.

Ramakrishnan (2003) dalam penulisan ilmiahnya, telah mengkaji unsur-unsur perumpamaan yang terdapat dalam karya klasik *Thirukkural*. Beliau menyatakan

bahawa unsur-unsur perumpamaan yang dipilih dalam kural telah dikategorikan kepada perumpamaan yang menjadi bandingan pengajaran kepada manusia. Menurut beliau, perumpamaan dan perlembagaan yang terdapat dalam kural bukan sahaja memperkaya kural malah menjadi faktor pendorong dalam penyampaian isi-isi yang tersirat dalam kural dengan tepat dan jitu.

2.4 Kajian-kajian Lepas Yang Berkaitan

Hasil pembacaan daripada pelbagai sumber seperti buku, artikel jurnal, tesis peringkat sarjana dan doktor falsafah telah dapat membantu pengkaji mendalami isu-isu berkaitan metafora sekali gus mendorong pengkaji memilih tajuk kajian ini. Pengkaji membahagikan kajian-kajian terdahulu ini kepada dua bahagian iaitu kajian berkaitan metafora dan kajian berkaitan analisis strategi penterjemahan metafora.

Asmah Haji Omar (1997) telah menjalankan dua kajian terhadap metafora Melayu. Dalam artikel yang bertajuk "*Metaphors of Anatomy as a Reflection of Malay Cultural Belief*" (1996) beliau mengkaji tentang metafora beku bahasa Melayu yang menggunakan bahagian tubuh badan seperti hati, kepala dan kaki. Beliau mendapati bahawa penggunaan bahagian-bahagian tertentu ini mencerminkan kepercayaan dan kebudayaan masyarakat Melayu. Selanjutnya ialah sebuah buku yang berjudul "*Concepts of Conflict, War and Peace in the Malay Language*". Dalam buku tersebut, terdapat satu bab yang telah dikaji oleh beliau. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa bahasa Melayu juga menggunakan metafora untuk menjelaskan konsep berkaitan peperangan, keamanan dan konflik.

Abdullah Yusof (2002) pula membicarakan tentang unsur ketersiratan makna yang terdapat dalam novel-novel Melayu. Beliau mengatakan bahawa unsur-unsur ketersiratan makna banyak mendominasi genre sastera terutamanya sajak, cerpen dan

novel. Dalam novel *Sungai Mengalir Lesu*, beliau mengemukakan beberapa contoh metafora seperti ‘kapal-kapal maut’, ‘air sungai itu mengalir dengan malasnya’ dan ‘angin malam yang menggigit’. Perkataan-perkataan ini merupakan metafora yang memerlukan satu pendekatan untuk menghuraikan masalah ketersiratan makna yang wujud dalam ayat-ayat tersebut.

Suziana bt Mat Said (2005) membicarakan tentang terjemahan metafora Melayu ke bahasa Perancis : analisis novel *Salina*. Kajian ini menunjukkan kesemua strategi telah digunakan semasa menterjemah metafora yang terdapat dalam novel ini. Kajian ini menggunakan strategi penterjemahan metafora yang disyorkan oleh Newmark (1980). Berdasarkan dapatan, pengkaji mendapati bahawa kaedah utama penterjemahan ialah mensyorkan strategi menterjemah makna metafora sahaja

Bagi konteks kajian tempatan, Liew Foot Yuen (2010) antara sarjana yang telah menjalankan kajian mengenai metafora. Bagi melaksanakan kajian beliau, Liew telah menganalisis sebanyak 30 buah puisi yang dipetik daripada buku falsafah puisi tradisional, karya Pang (1999). Kajian ini telah menggunakan penggolongan metafora yang disarankan oleh Nilsen & Nilsen (1978) iaitu metafora berdasarkan imej, konsep metafora Lakoff & Johnson (1980) serta struktur sintagmik yang telah dicadangkan oleh Shu (2000).

Yanbo (2011) dalam kajian beliau pula memberi tumpuan kepada penterjemahan metafora yang terdapat pada sebuah novel satira Cina yang terkenal sekitar tahun 1947. Bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam usaha untuk mendapatkan data kajian yang menyeluruh bagi penterjemahan karya agung Qian Zhongshu’s iaitu “*Fortress Besieged*” dan terjemahannya ke dalam bahasa

Inggeris. Pengkaji telah membataskan data kajian kepada metafora tersirat sahaja. Dalam erti kata lain, pengkaji tidak mengambil kira ungkapan simile bagi kajian ini. Kajian ini telah memanfaatkan strategi penterjemahan Newmark (1998) bagi mengetahui kekerapan serta cara metafora diterjemahkan. Berdasarkan 139 sampel ungkapan metafora yang telah dikenal pasti, pengkaji mendapati bahawa hampir 40% metafora yang terkandung dalam karya telah diterjemahkan secara harfiah dengan mengekalkan imej metafora daripada bahasa sumber. Manakala sebanyak 35% ungkapan metafora telah diterjemahkan dengan cara menghapuskan imej serta mengolah semula makna tersirat.

Alivijeh (2013) dalam kajiannya pula melihat penterjemahan metafora imej warna pada “*Shahnameh Ferdowsi*”, sebuah karya klasik Parsi yang telah banyak diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris. Bagi konteks kajian ini, pengkaji melihat cara-cara penterjemahan karya asal dengan membandingkan dua karya terjemahan bahasa Inggeris iaitu terjemahan Arthur Warner dan Edmond Warner (1925) serta Dick Davis (2007). Kajian ini telah dijalankan berpandukan tujuh strategi penterjemahan metafora Newmark (1988). Di samping strategi penterjemahan yang diperkenalkan oleh Newmark (1988), pengkaji juga ingin melihat sama ada terdapatnya teknik penterjemahan metafora yang baharu selain daripada yang tersenarai dalam ketujuh-tujuh strategi yang dicadangkan.

Sebanyak 33 sampel metafora warna telah dapat dikumpulkan daripada karya tersebut. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terjemahan terdahulu yang dihasilkan oleh Arthur Warner dan Edmond Warner (1925) telah menggunakan lima daripada tujuh strategi penterjemahan Newmark. Pengkaji mendapati bahawa para penterjemah tidak menggunakan strategi pengguguran serta

penambahan pada terjemahan. Data juga menunjukkan hampir 70% daripada 33 ungkapan metafora telah diterjemahkan dengan menggunakan strategi penghasilan semula imej yang sama ke dalam bahasa sasaran. Terjemahan Dick Davis (2007) pula memperlihatkan penggunaan ketujuh-tujuh strategi terjemahan. Menurut pengkaji, penterjemah terdahulu lebih cenderung menghasilkan terjemahan metafora kata demi kata manakala terjemahan Dick Davis yang lebih baharu pula mempunyai kecenderungan kepada penghasilan teks terjemahan yang berorientasikan pembaca sasaran. Hasil dapatan pengkaji walau bagaimanapun tidak menjumpai teknik penterjemahan yang baharu.

Nurul Sabrina Zan (2015), dalam kajiannya yang berjudul '*Penterjemahan Metafora Bahasa Melayu ke Bahasa Sepanyol*' telah mengkaji penterjemahan metafora dalam novel '*Ranjau Sepanjang Jalan.*' Objektif utama kajian ini adalah meneliti strategi penterjemahan yang digunakan dalam penghasilan makna metafora. Di samping itu, pengkaji telah mencari unsur metafora bagi konsep kemiskinan menggunakan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Kaedah Newmark (1981) juga telah diaplikasikan bagi tujuan menganalisis strategi penterjemahan metafora.

Sebanyak 66 sampel telah dianalisis untuk mencapai objektif kajian tersebut. Dapatan kajian menunjukkan metafora personifikasi paling banyak digunakan untuk menerangkan konsep kemiskinan. Pengkaji telah membuat pemetaan untuk konsep kemiskinan, iaitu kemiskinan sebagai ujian, kemiskinan sebagai cermin hidup, kemiskinan sebagai kesedaran, kemiskinan sebagai rahmat, kemiskinan itu keindahan, kemiskinan itu kenikmatan dan kemiskinan menjadi dorongan. Benda-benda dan kejadian alam seperti hati yang sebak, pokok banjir dan sebagainya digunakan untuk menerangkan konsep kemiskinan.

Kajian Abdul Rahman dan Hasuria (2015) juga sedikit sebanyak telah menyumbang dalam bidang kajian metafora ini. Pengkaji telah menganalisis kaedah penterjemahan dan pemindahan makna bagi dua buah novel yang bertajuk *Rentong* dan *Srengenge* beserta terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris. Secara dasarnya, kedua-dua novel ini merupakan hasil karya Sasterawan Negara, Shanon Ahmad dan telah diterjemahkan oleh penterjemah yang sama iaitu Harry Aveling. Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk menganalisis struktur metafora hidup dan metafora mati, strategi penterjemahan yang digunakan untuk menterjemah kedua-dua bentuk metafora serta kesannya terhadap terjemahan yang dihasilkan dari segi makna.

Selari dengan kajian-kajian lain, pengkaji juga berpendapat bahawa terjemahan metafora merupakan satu bentuk terjemahan yang boleh menimbulkan masalah lebih-lebih lagi dalam konteks pemadanan maksud dan kesan bacaan. Maka, bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kerangka teori metafora konseptual oleh Lakoff dan Johnson (1980), pendekatan penterjemahan berdasarkan makna oleh Larson (1984), konsep kehilangan makna dalam penterjemahan oleh Newmark (1981) dan konsep ketidakbolehterjemahan oleh Catford (1969).

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan unsur metafora daripada bahasa sumber telah berjaya diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran, namun terdapat beberapa struktur metafora yang telah mengalami perubahan. Perubahan struktur ini dikatakan ideal dan bersesuaian dengan konteks bahasa sasaran. Pengkaji menyimpulkan bahawa penterjemahan metafora sememangnya bergantung kepada

pengalaman seseorang penterjemah selain penguasaan teknik-teknik penterjemahan yang digariskan secara umum.

Bagi skop kajian luar negara pula, beberapa kajian telah dapat dikumpulkan. Antara kajian yang signifikan ialah Karshenas dan Ordudari (2016) dalam satu kajian yang bertajuk "*Translation Procedures in Span of Time : A Case Study on Newmark's Translation Procedures in Two English Translations of Saadi's Gulistan*". Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat teknik terjemahan metafora yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah membandingkan 24 terjemahan ungkapan metafora daripada dua versi terjemahan bahasa Inggeris. Terjemahan yang pertama telah diterbitkan pada tahun 1888 manakala versi terjemahan yang kedua pula adalah pada tahun 2004. Kedua-dua terjemahan ini telah dihasilkan oleh dua orang penterjemah yang berbeza. Kesemua ungkapan yang dipilih adalah daripada bahagian pengenalan sebuah prosa klasik Parsi yang bertajuk "*Saadi Gulistan*". Bagi mendapatkan data dengan cara yang lebih sistematik, pengkaji telah memanfaatkan tujuh strategi penterjemahan metafora Newmark (1988).

Menurut pengkaji, kebanyakan prosa klasik Parsi tidak mempunyai strategi penterjemahan yang komprehensif. Hal ini demikian kerana kerumitan bahasa Parsi itu sendiri menyebabkan proses terjemahan terpaksa dilakukan dengan cara penterjemah itu sendiri. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa prosa yang dipilih ini merupakan prosa yang paling sesuai digunakan untuk analisis perbandingan ini kerana mencakupi ketujuh-tujuh strategi penterjemahan metafora Newmark (1998). Berdasarkan perbandingan yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa penterjemahan yang lebih moden iaitu terjemahan yang diterbitkan pada tahun 2004 merupakan terjemahan

yang lebih bersifat komunikatif, manakala terjemahan versi lama pula lebih bersifat harfiah.

Dapatan ini menunjukkan bahawa penterjemah terdahulu lebih mementingkan kemurnian inti pati karya agung Parsi itu berbanding dengan penterjemah moden yang lebih mementingkan penyampaian mesej yang jelas kepada pembaca sasaran. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan kajian yang jelas menunjukkan bahawa penterjemah moden telah menggunakan hampir 50% teknik pertukaran metafora kepada budaya bahasa sasaran.

2.5 Taksonomi Aristotle

Menurut Aristotle, metafora merupakan sarana berfikir yang sangat efektif untuk memahami sesuatu konsep abstrak, yang dilakukan dengan cara memperluas makna konsep tersebut melalui perbandingan dengan suatu konsep lain yang sudah difahami. Melalui perbandingan itu, pemindahan makna daripada konsep yang sudah difahami kepada konsep abstrak akan berlaku.

Sebagai sarjana yang paling awal membincangkan persoalan metafora, Aristotle mengemukakan kategori berikut sebagai rujukan kepada definisi yang digunakan oleh beliau. Aristotle menyatakan bahawa metafora ialah suatu bentuk aplikasi ke atas sesuatu sama ada benda atau orang dengan menggunakan nama yang pada kebiasaannya digunakan pada sesuatu yang lain. Aristotle menawarkan taksonomi ini berdasarkan kandungan metafora tersebut dan bukan kepada semata-mata.

Kategori-kategori tersebut ialah:

- i) daripada '*genus*' kepada '*species*'

kategori ini merujuk kepada penggunaan metafora daripada kumpulan yang lebih umum kepada khusus. *Genus* ialah satu kategori yang utama manakala *species* ialah subkategori di bawah *genus*.

Sebagai contoh:
'bangunan' ialah *genus*.
'rumah' adalah *species*.

ii) Daripada "*species*" kepada "*genus*"

Kategori ini pula bertentangan dengan yang pertama, iaitu daripada golongan yang lebih khusus kepada yang umum. Sebagai contoh, perkataan "*many*" boleh menggantikan penggunaan angka yang lebih khusus. Sebagai contoh:

"*Ten thousand* good deeds" ialah *species*.

"*many* good deeds" ialah *genus*.

iii) Daripada satu *species* kepada *species* yang lain.


Penutur mencari istilah lain daripada kumpulan yang sama supaya dapat memberikan erti yang setara. Sebagai contoh: "*Draining off the life with the bronze*" digantikan dengan "*Severing the life with the bronze*". Kedua-dua frasa ini ialah *species* yang sama dan membawa maksud "*taking away*" (membawa pergi)

iv) Merupakan satu bentuk analogi

Pengelasan metafora ini mempunyai persamaan unsur dengan perbezaan makna, cara pemikiran dan realiti dengan perkara I, II dan III di atas. Menurut Aristotle (dipetik daripada Hawkes, 1927, ms. 7) *the four elements of the metaphor: A, B, C and D, are connected in the way that B's relationship with A is analogous to D's relationship with C*. Berikut adalah contoh yang diberikan:

A goblet stands in the same relationship to Dionysus as a shield does to Ares. So, a goblet may be called 'the shield of Dionysus' and a shield may be called 'the goblet of Ares'.

(daripada petikan Hawkes, 1972, ms. 9)



Rajah 2.2 Rumusan Satu Bentuk Analogi

Menurut Suziana (2005, ms. 52) pula, satu contoh lain ialah ‘bahtera padang pasir’ yang merujuk kepada haiwan yang digunakan untuk mengangkut barangan di kawasan gurun iaitu ‘unta’. Apa yang berlaku di sini ialah unta disamakan dengan bahtera yang sepatutnya berada di laut. (B) kapal digunakan di laut (A) sama seperti (D) unta (C) di padang pasir.

2.6 Taksonomi Lakoff dan Johnson (1980)

Menurut Lakoff dan Johnson, metafora melambangkan maksud yang berlainan daripada apa yang diujarkan. Lakoff dan Johnson telah membahagikan unsur metafora kepada lima jenis:

i) Metafora Berstruktur (M.S)

Ekspresi metafora ini berkait rapat dengan konsep metafora secara sistematik.

Melaluinya seseorang itu boleh mengkaji dan memahami salasilah dan perkaitan dalam aktiviti kehidupan seharian.

Sebagai contoh:

Time is Money

- a) *I lost a lot of **time** when I got sick.* (B.I)
- b) *Thank you for your **time**.* (B.I)
- c) Jangan bazirkan **masa** saya. (B.M)

Berdasarkan contoh di atas, boleh dikatakan bahawa ‘masa’ ialah sesuatu yang sangat berharga dan merupakan sesuatu keperluan dalam kehidupan seharian. Manusia dibayar gaji berdasarkan waktu, minggu dan tahun berkerja mengikut masa yang telah diukur. Kehidupan zaman kini telah menyebabkan masa dilihat sebagai sesuatu yang bernilai sehingga boleh dihitung dengan wang. Semakin moden sesebuah negara itu, semakin berharga setiap masa.

Lakoff dan Johnson (1980) telah menggunakan istilah yang diperkenalkan oleh Reddy (1979) iaitu istilah Metafora Saluran (*Conduit Metaphor*). Reddy (1979) menyatakan bahawa setiap perkataan mempunyai permukaan luar dan dalam.

IDEA (MAKSUD) IALAH OBJEK

Oleh itu, objek yang mengandungi idea diletakkan di dalam sesuatu ‘bekas’ ujaran linguistik dan dihantar kepada pendengar melalui proses komunikasi. ‘Bekas’ yang digunakan untuk menyampaikan idea itulah yang dimaksudkan dengan ‘*CONDUIT*’.

(Reddy dalam Lakoff dan Johnson, 1980)

Sebagai contoh :

- a) *I gave you that idea.*
- b) *His words carry little meaning.*

Dalam contoh a) “*idea*” merupakan objek dan “*gave*” ialah bekas. Manakala contoh b) pula, “*his words*” ialah objek dan “*carry*” ialah bekas yang berfungsi untuk menyampaikan idea.

ii) Metafora berarah (M.A)

Metafora ini tidak hanya menstrukturkan satu konsep sahaja tetapi membentuk satu sistem secara menyeluruh dengan yang lain dan berkait rapat dengan alam fizikal sekeliling manusia. Metafora ini mempunyai perhubungan dengan suatu elemen yang

disebut sebagai orientasi ruang (*spatial orientation*): “*up-down*”, “*in-out*”, “*on-off*”, “*deep-shallow*”, “*central-peripheral*”.

Sebagai contoh:

a) *HAPPY IS UP; SAD IS DOWN*

<i>I'm feeling up,</i>	↑	<i>up</i>
<i>My spirits rose.</i>		
<i>I'm feeling down</i>	↓	<i>down</i>
<i>My spirit sank</i>		

Berdasarkan contoh diatas, *I'm feeling **up*** atau *my spirits **rose*** diujarkan oleh seseorang yang sedang gembira, senang hati dan bersemangat kerana perasaannya akan melonjak naik dan meningkat ke aras ‘atas’. Keadaan sebaliknya akan berlaku sekiranya seseorang itu berasa kecewa, sedih, bimbang, kurang motivasi dan gusar.

iii) Metafora Ontologikal (MO)

Metafora jenis ini merujuk kepada satu cara melihat kejadian, aktiviti, idea serta emosi sebagai satu entiti dan objek fizikal. Dalam kebanyakan kes, ungkapan-ungkapan ini tidak kelihatan atau kedengaran seperti mengandungi metafora. Sebagai contoh, kemiskinan, inflasi dan minda yang dilihat sebagai entiti.

Contoh 1: Kemiskinan sebagai satu entiti

*“**Poverty** is the worst form of violence”.*

Contoh 2: Inflasi sebagai satu entiti.

*“**Inflation** is lowering out standard of living”.*

Contoh 3: Minda sebagai satu entiti.

*“My mind just isn't **operating** today”.*

iv. Personifikasi

Objek fizikal yang diberikan sifat manusia bagi membolehkan kita memahami sesuatu

pengalaman dengan entiti bukan manusia dari sudut motivasi, tingkah laku dan aktiviti-aktiviti manusia. Metafora ini juga dianggap sebahagian daripada metafora ontologikal.

Sebagai contoh:

*“Our biggest **enemy** right now is inflation”.*

Perkataan *enemy* (musuh) telah menerangkan situasi sebenar iaitu masalah inflasi yang merupakan perkara yang tidak disukai kerana melumpuhkan ekonomi sesebuah negara.

v. Metonimi

Sesuatu aspek yang menggunakan satu entiti untuk merujuk kepada entiti lain yang berkaitan dengannya. Dengan erti kata lain, metonimi berfungsi sebagai pengganti kepada entiti tersebut supaya mudah untuk difahami dan memberi manfaat secara langsung.

Sebagai contoh:

Azly beli **Alza**.

Semua rakyat Malaysia berdoa untuk **MH370**.

Berdasarkan contoh di atas, perkataan **Alza** merujuk kepada produk baru keluaran Perodua. Manakala **MH370** merujuk kepada kapal terbang Malaysia yang telah hilang dalam penerbangan ke negara China dan masih tidak dijumpai sehingga hari ini.

Metafora Konseptual

Lakoff dan Johnson (1980) berusaha menerangkan bahawa metafora bukan sekadar penggunaan bahasa yang indah atau bahasa figuratif. Malah, metafora menjurus kepada suatu konsep yang wujud dalam minda manusia dan dilafazkan melalui ujaran dengan

pemilihan perkataan-perkataan yang berlainan daripada ayat yang biasa.

Lakoff dan Johnson(1980, ms. 3) telah mengaitkan metafora dengan sistem konsep. Mereka berpendapat bahawa metafora bukan sahaja sejenis persembahan bahasa, tetapi juga persembahan kognitif; metafora dijadikan sebuah alat untuk manusia mentafsir, mempelajari dan memahami sesuatu objek dan seterusnya dapat membina sesuatu konsep. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010), 'konsep' bermaksud pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu:-demokrasi tidak bererti kebebasan yang tidak terbatas; dan rancangan (rencana, surat, dan lain-lain), draf (surat dan lain-lain)

Berdasarkan pada bukti linguistik, sistem konsep yang selalu digunakan bersifat metaforikal dengan alam semula jadi (Lakoff dan Johnson, 1980: ms4). Konsep yang dibina dalam pemikiran berfungsi untuk mengawal dan membentuk cara seseorang itu berfikir, mengerti dan menganalisis maklumat yang diterima dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh:

Metafora konsep: *TIME IS MONEY.*

*You're **wasting** my time.*

*The gadget will **save** you hours.*

*The flat tire **cost** me an hour.*

*I need to **budget** your time.*

'Masa' dalam budaya masyarakat Barat dianggap sebagai suatu komoditi yang sangat bernilai. Setiap saat itu sangat berharga dan tidak boleh disia-siakan kerana ia melibatkan perancangan dan matlamat. Budaya Barat menjadikan 'Masa' sebagai suatu limitasi untuk mereka mencapai sesuatu matlamat. Oleh itu, masyarakat Barat menganggap masa sebagai suatu konsep yang mempunyai kualiti dan kuantiti serta harus dimanfaatkan dengan bijak mahupun sebaliknya.

Situasi yang sama boleh dilihat pada masyarakat Malaysia. Konsep pemikiran masyarakat Malaysia adalah serupa dengan masyarakat barat lebih-lebih lagi mengenai masa. Masyarakat Malaysia mengaitkan masa dengan sesuatu yang bernilai dan berharga. Frasa MASA ITU EMAS menunjukkan nilai yang tinggi diberikan oleh orang Malaysia mengenai ‘masa’.

2.7 Taksonomi Newmark (1988)

Newmark telah mengklasifikasikan metafora kepada enam jenis:

1. Metafora mati (*Dead metaphors*)

Kewujudan tidak disedari oleh penutur kerana perkataan sudah terlalu lama atau biasa digunakan sehingga hilang makna figuratifnya sebagai metafora. Metafora ini banyak menggunakan kata-kata berbentuk universal yang mengenai ruang, waktu, bahagian-bahagian tubuh, unsur ekologi, idea dan aktiviti utama manusia. Terdapat kepelbagaian pemilihan kata, justeru metafora jenis ini mudah untuk diterjemahkan.

Sebagai contoh:

“foot of a hill” diterjemahkan sebagai ‘kaki bukit’

2. Metafora klise (*Clise metaphors*)

Sesuatu frasa yang sudah biasa kerana sering digunakan sehingga kesan metaforanya tidak begitu ketara. Metafora ini digunakan untuk menggantikan ungkapan yang bersifat emosional tetapi menjawab pada perkara sebenar.

Sebagai contoh:

“It was just the tip of the iceberg”.

Makna *“tip”* ialah bahagian kecil daripada saiz objek yang sebenar. Perkataan *“iceberg”* bermaksud bongkah ais yang besar. Makna sebenar ungkapan ini menjelaskan

sebahagian hal yang kecil sahaja tetapi hal yang benar atau lebih besar masih lagi tersembunyi. Samalah seperti pepatah Melayu ‘air yang tenang jangan disangka tiada buaya’.

3. Metafora stok/standard (*Stock/standard metaphors*)

Metafora ini sudah mantap penggunaannya dan sering digunakan secara efektif dalam konteks komunikasi tidak formal bagi mengungkapkan situasi mental dan fizikal. Metafora jenis ini memiliki kekuatan emosi dan tidak akan mati walaupun sering digunakan. Namun begitu, metafora ini saling bertindih dengan metafora klise.

Sebagai contoh:

“*poker face*” atau “*brazen face*” dalam bahasa Inggeris

‘muka tembok’ dalam bahasa Melayu (metafora)

4. Metafora baharu (*Recent metaphors*)

Metafora ini berbentuk neologisme (ungkapan bentuk baharu/kata nama yang diguna pakai dengan makna baharu). Metafora jenis ini luas digunakan dalam banyak bahasa. Apabila metafora jenis ini dikaitkan dengan objek dan proses yang baharu, ia akan menjadi metonimi. Contohnya metafora “*walkman*”. Perkataan “*man*” ialah objek yang digunakan bersama “*walk*” menjadi “*walkman*” dan gabungan perkataan-perkataan tersebut telah memberikan maksud baharu.

Sebagai contoh:

The mouse of the computer

Head-hunting

Walkman

5. Metafora asli (*Original metaphors*)

Metafora ini merupakan pesanan, pandangan peribadi seseorang penulis yang direka secara puitis untuk mengungkapkan sesuatu yang khusus. Metafora jenis ini haruslah diterjemahkan secara harfiah walaupun melibatkan hubungan secara universal, budaya

atau pemikiran yang kabur. Newmark (1988) telah memberikan contoh bagi metafora ini: “*Oxford, a please of Lyonnese*”. Contoh ini dipetik daripada sebuah novel yang bertajuk “*Brideshead Revisited*” karya Evelyn waugh (1994) iaitu:

*Oxford-submerged now and obliterated, irrecoverable
As Lyonnese, so quicly have the waters come flooding
in-Oxford, in these days, was still a city of aquantint.*

Menurut lagenda, *Lyonnese* merupakan sebuah negara yang terletak di Semenanjung Cornwall yang telah ditenggelamkan oleh laut (Tetyana:2014). Bagi penutur asal bahasa Inggeris, hal ini lebih mudah difahami kerana negara ini pernah dinyatakan dalam “*The legend of Trisian and Isolda*”. Perkataan Atlantis digantikan dengan *Lyonnese* supaya memudahkan pembaca memahami apa yang dimaksudkan dengan “*Lyonnese*”. Dalam contoh ini, *Oxford* diberikan gambaran yang sama seperti apa yang berlaku pada *Lyonnese* kerana pada tahun 1944 telah berlakunya Perang Dunia Kedua.

6. Metafora saduran (*Adapted metaphors*)

Metafora yang diadaptasi dengan melakukan perubahan pada metafora baharu. Newmark memberikan contoh, “*the ball is a little in their court*” telah diadaptasikan daripada simpulan bahasa “*the ball is in their court*”.

2.8 Tipologi Strategi Penterjemahan Metafora Newmark

Newmark turut mahu membuktikan bahawa “*Metaphor is at the centre of all problems of translation theory*” (Newmark, 1980, ms. 100). Newmark juga mengesyorkan tujuh tatacara yang dapat digunakan untuk menterjemah metafora. Langkah-langkah yang disyorkan oleh beliau ternyata bersifat pragmatik dan lebih praktikal bertujuan untuk mengurangkan halangan dan masalah penterjemahan metafora terutamanya dalam teks-teks kreatif.

Tujuh strategi terjemahan yang boleh diguna pakai ini tidak membezakan isu metafora tulen dan metafora terbitan. Menurut strategi ini, keutamaan perlu diberikan kepada perbezaan antara metafora tunggal (metafora satu perkataan seperti a sunny girl) dan metafora majmuk (lebih kepada frasa seperti peribahasa).

Berikut merupakan tujuh strategi yang dicadangkan mengikut tahap keutamaan:

- i) Penggunaan imej yang sama dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran dengan syarat 'ada pertindihan budaya yang ketara antara kedua-dua bahasa tersebut'. Maka, sesuatu perkataan itu mungkin lebih sesuai digunakan dalam bahasa-bahasa yang berasal daripada rumpun yang sama.

Contoh,

Ray of hope
Rayon d'espoir
Sinar harapan

His life hangs on a thread
Sa vie ne tient qu'a un fil
Nyawanya seperti telur berada di hujung tanduk

- ii) Menggantikan dengan imej yang lebih bersesuaian dengan budaya masyarakat bahasa penerima (meskipun kadangkala terpaksa dicipta sendiri oleh penterjemah)

Contoh,

When in Rome, do as the Romans do.

Il faut hurler avec les loups.

Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang lembu menguak.

Jump into the lion's mouth

Se fourrer dans la gueule du loup

Lari dari mulut harimau masuk ke mulut buaya...

- iii) Menggantikan metafora dengan perumpamaan tanpa mengubah imej yang digunakan. Strategi ini sering menjadi pilihan penterjemah kerana di samping dapat mengekalkan imej yang sama, ia dapat mengurangkan kesan ‘kejutan’ dalam bahasa penerima.

Contoh,

La brosse du peintre tartine le corps humain sur d’énormes surface (Craude).

(Berus pelukis itu membentangkan badan manusia pada permukaan yang luas ibarat mentega di atas permukaan roti).

- iv) Menterjemah metafora kepada perumpamaan dengan disertakan maksudnya Strategi ini lebih bertoleransi sifatnya kerana memudahkan pembaca untuk memahami bacaan dengan baik tanpa mengira tahap pengetahuan pembaca. Objektif utama adalah untuk memberikan suatu terjemahan yang bersifat penerangan.

Contoh,

Tout un vocabulaire moliéresque (Barthes)

(Semua kosa kata perubatan palsu seperti yang mungkin digunakan oleh Molière)

C’est un renard.

(Akalnya tajam seperti kancil)

- v) Menukarkan metafora kepada pengertiannya samata-mata. Sewaktu menterjemah, hanya pengertian metafora sahaja yang dipindahkan kepada bahasa penerima. Strategi ini lebih telus dan memudahkan pemahaman pembaca teks penerima.

Contoh,

Gagner son pain.

Mencari rezeki.

- vi) Pengguguran metafora

Ada kalanya penterjemah terpaksa mengambil keputusan untuk tidak

menterjemahkan metafora tertentu setelah mengambil kira beberapa faktor seperti tujuan dan kepentingan teks tersebut. Sekiranya metafora itu lemah dan tidak memberikan maklumat penting (membazir), maka wajar digugurkan sahaja. Keputusan penterjemah ini boleh diterima dengan mengambil kira bahawa fungsi metafora tersebut telah dapat disampaikan pada frasa lain dalam teks berkenaan.

- vii) Mengekalkan metafora yang sama dengan disertakan pengertian. Penterjemah mungkin berhasrat untuk mengekalkan metafora dalam bentuk yang sama cuma kurang yakin sama ada metafora tersebut dapat difahami oleh pembaca atau tidak. Oleh itu, penterjemah mengambil keputusan untuk memberikan maksud supaya lebih jelas dan dapat mengelakkan kekeliruan.

Bagi skop kajian ini, pengkaji memilih strategi Newmark (1980) untuk mengenal pasti strategi terjemahan yang diguna pakai oleh penterjemah *Thirukkural* dalam bahasa Melayu. Daripada tinjauan kajian yang dilakukan, pengkaji telah dapat mengenal pasti bahawa kebanyakan pengkaji memilih tipologi strategi penterjemahan metafora yang disarankan oleh Newmark. Hal ini demikian kerana Newmark menyarankan tujuh strategi untuk penterjemahan metafora yang cukup lengkap dan jelas.

2.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji menyimpulkan bahawa metafora merupakan penggunaan bahasa yang membangkitkan sesuatu imej yang menerangkan maksud eksplisit tentang sesuatu benda, orang, emosi, tempat atau fenomena yang dirujuk. Selain itu, metafora tidak menggunakan perkataan simili seperti *bagai*, *seperti*, dan

sebagainya. Sebaliknya, metafora lebih cenderung digunakan sebagai gaya bahasa sastra walaupun frasa-frasa yang digunakan wujud dalam percakapan harian. Bahagian ini telah membincangkan beberapa kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas tentang penggunaan metafora melalui data-data yang berlainan. Hasil kajian mereka membuktikan kebenaran teori-teori yang disarankan oleh pakar-pakar bahasa dalam bidang ini.

University of Malaya

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan metodologi yang digunakan bagi mengumpul dan menganalisis data yang dikaji. kajian ini melihat dan menganalisis kekerapan penggunaan metafora dalam *Thirukkural* bahasa Tamil ke terjemahan dalam bahasa Melayu. Kajian juga mengkaji dan menganalisis strategi yang paling kerap digunakan dalam penterjemahan metafora Tamil *Thirukkural* ke Bahasa Melayu. Di antara perkara yang akan dibincang dalam bab ini ialah:

- (a) Data yang dikaji (metafora)
- (b) Strategi penterjemahan metafora: Newmark (1981)
- (c) Proses kajian (Rangka kerja)

Penyelidikan ini hanya akan memfokuskan kepada penterjemahan metafora dalam teks *Thirukkural* dari bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu untuk berusaha menjawab persoalan-persoalan yang terkandung di dalam **bahagian 1.4**

1. Apakah jenis-jenis metafora yang terdapat di bahagian pertama (*Aram*) dan kedua (*Porul*) teks *Thirukkural*?
2. Apakah strategi-strategi penterjemahan yang digunakan dalam pengalihan metafora dari *Thirukkural* ke dalam bahasa Melayu?
3. Sejauh manakah metafora dalam bahasa sumber dikekalkan dalam bahasa sasaran?

Untuk memenuhi objektif yang telah dipersetujui, permulaan kajian ini akan membincangkan tentang latar belakang sampel kajian ini seterusnya pengkaji membincangkan secara terperinci tatacara yang digunakan untuk menjalankan penyelidikan ini. Disamping itu, pengkaji turut membincangkan pendekatan kajian dan amalan perkaedahan. Selain daripada itu, pengkaji menerangkan tentang metodologi pengumpulan data dan penganalisan data untuk kajian ini.

3.2 Latar belakang sampel kajian

Teks *Thirukkural* yang digunakan untuk kajian ini merupakan dari terbitan 2005. Pengkaji menggunakan terbitan teks *Thirukkural* terbitan 2005 kerana terbitan pada tahun ini yang terbaru. Teks sumber dibahagi kepada 3 bahagian dengan 1330 kural. Kajian ini hanya akan memberi fokus kepada kural-kural yang mengandungi metafora di dalam teks sumber iaitu bahasa Tamil dan terjemahannya dalam bahasa Melayu. *Thirukkural* ini dipilih kerana memiliki nilai sastera yang tinggi dan kepelbagaian bentuk metafora yang terkandung di dalamnya sangat menepati objektif kajian ini. Di samping itu, buku sastera Tamil kurang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Oleh itu pengkaji tidak mempunyai banyak pilihan untuk mendapatkan sampel kajian. *Thirukkural* dikenali sebagai karya agung masyarakat Tamil. *Thirukkural* dihasilkan oleh Thiruvalluvar dan merupakan sebuah karya mengenai prinsip-prinsip etika dan moral yang menyeluruh.

3.3 Tata cara kajian

Secara umumnya kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah perpustakaan dan berorientasikan produk atau *product oriented* (Hatim & Mason, 1990, ms.3) di

mana perbincangan dalam kajian ini hanya menggunakan teks yang dipilih sahaja telah dinyatakan. Walaupun begitu, kaedah kuantitatif juga digunapakai untuk mempersembahkan dapatan kajian yang diperolehi dalam bentuk perangkaan dan peratusan.

3.3.1 Kaedah Perpustakaan

Kaedah perpustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk penyelidikan ini iaitu terjemahan metafora dalam karya *Thirukkural*. Bahan-bahan rujukan diperolehi daripada buku-buku, artikel jurnal dan kertas kerja yang telah diterbitkan di dalam negeri mahupun di luar negara. Kaedah ini amat penting bagi pengkaji mendapat gambaran sebenar tentang kajian-kajian lain yang pernah dibuat berhubung dengan ketiga-tiga elemen yang menjadi persoalan utama kajian ini iaitu penterjemahan metafora dalam karya *Thirukkural*.

3.3.2 Analisis *Thirukkural*

Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk deskriptif. Pengkaji hanya memberi tumpuan kepada soalan-soalan kajian yang telah dinyatakan dalam bab yang pertama di bahagian 1.4. Dalam kajian ini hanya hasil terjemahan Dr.G.Soosai dari Bab 1 dan Bab 2 daripada karya *Thirukkural* sahaja digunakan. Ini kerana terjemahan beliau dalam bentuk puisi. Maka pengkaji dapat melihat terjemahan metafora dengan lebih jelas dari bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu. Pengkaji memilih dua bab ini sahaja kerana isi kandungannya lebih sesuai untuk pembaca umum dari semua lingkungan umur dan juga data dari kedua bab ini cukup untuk kajian pada tahap ini. Tambahan pula, masalah kekangan masa menghadkan keupayaan pengkaji untuk menjalankan

kajian yang lebih terperinci dan mendalam tentang terjemahan teks *Thirukkural*.

3.3.2.1 Rasional Pemilihan *Thirukkural*

Thirukkural dipilih untuk kajian ini kerana sumbangannya dalam bidang kesusasteraan Tamil klasik tidak dapat dipertikaikan lagi. Terdapat kajian yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik lain berkaitan karya *Thirukkural* mengenai bahasa kiasan, semantik dan sebagainya. Walaupun begitu belum ada lagi yang membuat kajian perbandingan di antara *Thirukkural* bahasa Tamil dari aspek terjemahan metafora ke dalam bahasa Melayu.

Pengkaji memilih sebuah karya sastera yang terunggul dan terkenal memandangkan ia lebih memberikan cabaran kepada penterjemah. Seseorang penterjemah karya sastera perlu menguasai kedua-dua bahasa dan budaya dengan mendalam. Ini bukanlah suatu perkara yang mudah kerana seseorang penterjemah itu juga perlu mempunyai pengetahuan budaya (*cultural awareness*) sesuatu bangsa tertentu.

3.3.2.2 Sinopsis *Thirukkural*

Seperti yang telah dinyatakan di dalam Bab 1, *Thirukkural* merupakan karya agung yang unggul dan paling popular dalam kalangan masyarakat Tamil sedunia. Sastera klasik ini, menjadi pedoman kepada manusia agar menjalani kehidupan yang adil dan bijaksana. Ketakjuban terhadap keunggulan dan keunikan sastera etika Tamil ini dapat dilihat dalam aspek-aspek seperti falsafah hidup dan identiti budaya. *Thirukkural* ini mengandungi 3 bahagian yang penting untuk kehidupan manusia. '*Thirukkural*' mengandungi tiga bahagian utama iaitu Kebenaran (Aram), Kebendaan (Porul), dan Kenikmatan Cinta (Inbam).

3.4 Pengumpulan Data

Pengkaji hanya memberi perhatian kepada kural-kural yang mengandungi metafora iaitu sebanyak 40 kural. Metafora hanya boleh difahami maksudnya berdasarkan konteks dalam kural tersebut. Sekiranya pembaca hanya membaca metafora kural secara terasing, maksud asal yang ingin disampaikan oleh penulis tidak dapat dihayatinya.

3.4.1 Kaedah Pengumpulan Data

Untuk proses pengumpulan data, pengkaji memulakannya dengan membaca karya teks sumber dari bahagian pertama (Aram) dan kedua (Porul) *Thirukkural*. Pada masa yang sama pengkaji menandakan kesemua kural yang mengandungi metafora di dalam teks sumber. Selepas itu, mengenal pasti jenis metafora berdasarkan ciri-ciri metafora Nilsen & Nilsen (1978). Seterusnya, mengenal pasti metafora terjemahan *Thirukkural* dalam bahasa Melayu. Akhirnya, padanan di antara metafora *Thirukkural* bahasa Tamil dan metafora *Thirukkural* bahasa Melayu dikenal pasti dan disenaraikan.

Jika tiada padanan terjemahannya, pengkaji meletakkan NIL untuk menunjukkan bahawa metafora tersebut tidak diterjemahkan langsung. Langkah yang seterusnya ialah senarai data yang berjaya dikumpulkan ini diteliti pula oleh pembaca kedua iaitu pensyarah bahasa dan linguistik En.Selvajothi a/l Pillai. Beliau pernah menjalani kajian tentang penggunaan bahasa kiasan dalam *Thirukkural*. Beliau juga pernah menghasilkan terjemahan teks *Thirukkural* bahagian pertama bersama persatuan Hindu Sangam Universiti Malaya (2003). Peringkat ini perlu dilakukan agar data yang diperolehi dapat disahkan menepati kriteria metafora Tamil tulil kerana metafora wujud dalam pelbagai bentuk dan ada kalanya mengelirukan. Maka, pengkaji telah menentukan kesahihan data

dengan merujuk kepada pensyarah yang seorang penterjemah bertauliah yang dianugerahkan Diploma oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (sila rujuk pada Lampiran C).

Jadual di bawah menerangkan secara ringkas proses pengumpulan data untuk kajian ini.

Jadual 3.1 Proses Mendapatkan Data

Langkah-langkah	Proses Mendapatkan Data
1	Mengenalpasti sumber data utama iaitu <i>Thirukkural</i>
2	Membaca dan memahami keseluruhan teks <i>Thirukkural</i>
3	Bacaan kedua dan ketiga disertai dengan menandakan di dalam teks data-data yang mengandungi metafora Tamil tulin.
4	Kesemua data dikumpul dan direkodkan berdasarkan tertib kehadiran mengikut bab.
5	Membaca dan memahami teks bahasa Melayu
6	Bacaan kedua dan ketiga diperlukan untuk mendapatkan padanan terjemahan metafora Tamil yang dibuat mengikut bab. Terjemahan ditanda dan direkodkan bersebelahan metafora bahasa Tamil.
7	Selepas langkah ke 6 selesai, kesemua data diteliti semula oleh pengkaji.
8	Diserahkan kepada pembaca kedua iaitu En. Selvajothi a/l Ramalingam, pensyarah sambilan Universiti Malaya dalam bidang Bahasa dan Linguistik Tamil untuk mendapatkan lebih kepastian tentang metafora yang telah dikenalpasti.

3.5 Prosedur Kajian

Prosedur kajian ini terdiri daripada 2 peringkat iaitu pertama, mengenalpasti metafora dan jenis-jenisnya dalam teks sumber dan peringkat kedua, menganalisis strategi terjemahan metafora dalam teks sasaran serta membincang sejauh mana metafora dalam bahasa sumber dikekalkan dalam bahasa sasaran.

3.5.1 Peringkat Pertama

Peringkat pertama menyenaraikan metafora yang dikenal pasti dalam teks sumber dan teks sasaran.

- (a) Mengenalpasti metafora di dalam bahagian 1 dan 2 teks '*Thirukkural*' Tamil.
- (b) Mengkategorikan metafora '*Thirukkural*' mengikut klasifikasi metafora oleh Nilsen & Nilsen (1978). Metafora yang terkandung dalam *Thirukkural* bahasa Tamil mudah diklasifikasikan dengan tipologi Nilsen & Nilsen.
- (c) Mengenalpasti metafora dalam teks sasaran untuk dibanding dengan teks sumber.

3.5.2 Peringkat Kedua

Peringkat kedua melibatkan:

- (a) Analisis strategi terjemahan yang digunakan dalam teks sasaran. Meneliti dan menganalisis terjemahan metafora yang dilakukan bagi tujuan menentukan strategi-strategi terjemahan metafora oleh Newmark (1981) yang telah digunakan oleh penterjemah.
- (b) Setakat mana bentuk dan maksud metafora dari kural Bahasa Tamil dialihkan ke dalam bahasa Melayu.

Dua peringkat kajian di atas akan membantu menjawab tiga soalan kajian dengan cara berikut:

Soalan 1.

Pengkaji menggunakan sebuah jadual untuk menyenaraikan metafora mengikut jenis-jenisnya. (Lampiran A) Selepas menyenaraikan metafora, pengkaji akan berbincang bersama dengan pakar bahasa Tamil iaitu En. Selvajothi a/p Ramalingam untuk mengenal pasti samada metafora yang disenaraikan adalah betul sebelum mengkategorikan jenis-jenis metafora berdasarkan tipologi Nilsen & Nilsen.

Soalan 2.

Pengkaji akan menggunakan tipologi strategi penterjemahan Newmark untuk mengenal pasti strategi yang paling kerap digunakan dalam penterjemahan metafora Tamil dari teks *Thirukkural* ke dalam Bahasa Melayu. (Lampiran B)

Soalan 3.

Pengkaji menggunakan taksonomi Newmark (S1-S7) untuk mengetahui tahap pengekalan maksud asal metafora dalam versi Tamil *Thirukkural* dalam bahasa Melayu dari segi, kata atau frasa metafora. Taksonomi Newmark digunakan untuk kajian ini kerana pengkaji dapat menggunakan strategi terjemahan metafora sebagai satu ukuran untuk melihat sama ada ranah sumber bahasa Tamil serta maksud dikekalkan atau tidak dalam bahasa Melayu.

3.5.3 Proses Analisis Data

Jadual di bawah secara ringkas menerangkan langkah-langkah yang diambil untuk tujuan penganalisan data:

Jadual 3.2 Proses Analisis Data

Langkah – langkah	Prosedur Analisis Data
1	Data-data kedua-dua teks sumber dan penerima tamat diproses dan dibahagikan mengikut kategori Nilsen & Nilsen.
2	Mendapatkan rumusan dalam bentuk peratusan untuk setiap kumpulan metafora bahasa Tamil dalam <i>Thirukkural</i> .
3	Komponen metafora BT dan BM dicetak tebal (bold) untuk memudahkan pembaca mengenal pasti metafora.
4	Menentukan strategi yang digunakan untuk menterjemah setiap data tersebut mengikut S1-S7. Daripada langkah ini, pengkaji dapat mengetahui strategi yang menjadi pilihan penterjemah.
5	Mendapatkan rumusan dalam bentuk peratusan untuk setiap strategi terjemahan yang digunakan.
6	Menganalisa contoh-contoh metafora yang berjaya diterjemahkan dari setiap kategori untuk mengetahui sama ada terdapat pengekaln atau perubahan dari segi strategi Newmark.
7	Membuat kesimpulan tentang kaedah dan pendekatan yang dipilih oleh penterjemah <i>Thirukkural</i> dalam menangani dan menyelesaikan masalah penterjemahan metafora. Dengan ini, pengkaji dapat sedikit sebanyak mengutarakan pandangan dan cadangan untuk kegunaan penterjemah lain pada masa hadapan.

Setelah kesemua metafora dikenal pasti dan dikumpulkan pengkaji akan memulakan proses menganalisis data. Metafora-metafora ini diletakkan di bawah kumpulan-kumpulan berdasarkan taksonomi yang diutarakan oleh Nilsen & Nilsen (1978) yang mengkategorikan metafora berdasarkan imej kepada lima kumpulan berdasarkan proses-proses pembentukan metafora, iaitu metafora kedewaan, metafora abstrak, metafora

kehaiwanan, metafora ketumbuhan dan metafora pengkonkritan. Dalam kajian ini, penggolongan Nilsen & Nilsen (1978) akan digunakan kerana jenis penggolongannya cukup relevan untuk data metafora dari *Thirukkural*.

Langkah seterusnya ialah pengkaji mengenal pasti strategi terjemahan yang digunakan untuk menterjemah metafora Tamil *Thirukkural*. Setiap strategi terjemahan yang terdapat dalam kajian ini telah diberikan kod tertentu iaitu S1, S2, S3, S4, S5, S6, S7 mengikut tipologi strategi penterjemahan Newmark. Di bawah adalah huraian S1-S7.

1. S1 – Menterjemah dengan mengekalkan metafora yang mempunyai ranah sumber atau imej yang sama dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu kerana boleh difahami.
2. S2 - Menterjemah menggunakan komponen sumber yang lain dalam bahasa Melayu tetapi yang membawa maksud yang sama yang terkandung dalam bahasa Tamil.
3. S3 – Menukar metafora menjadi perumpamaan.
4. S4 – Mengekalkan metafora Tamil walaupun ia janggal dalam bahasa Melayu.
5. S5 – Menterjemah maksud metafora sahaja.
6. S6 – Pelepasan - Komponen metafora di dalam ayat tidak diterjemahkan.
7. S7 – Parafrasa - Menterjemah dengan mengolah semula ayat.

Dengan cara ini pengkaji dapat menganalisis strategi penterjemahan metafora yang digunakan secara terperinci. Selain itu, pengkaji juga dapat mengetahui sama ada terdapat perubahan dari segi bentuk dan konsep metafora bahasa sumber yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran.

Untuk mendapatkan idea secara holistik tentang proses terjemahan metafora dalam data kajian ini, pengkaji perlu membuat pengiraan dalam jumlah dan peratus untuk perkara-perkara berikut:

- a) Bilangan dan peratus metafora yang telah diterjemahkan dan tidak diterjemahkan.
- b) Bilangan dan peratus untuk setiap strategi terjemahan yang digunakan untuk menterjemah setiap kategori metafora tersebut.

Dapatan kajian dijelaskan dengan menggunakan jadual, carta dan rajah supaya lebih jelas dan memudahkan pemahaman.

Semasa membuat analisis data, pengkaji menggunakan beberapa kamus sebagai sumber rujukan utama. Kamus-kamus tersebut ialah:

1. *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002)
2. *Kamus Bahasa Tamil Edisi Keempat* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005)

Pengkaji memilih dua buah kamus ini untuk mengetahui maksud sebenar perkataan yang disenaraikan daripada teks *Thirukkural* bahasa Tamil ke bahasa Melayu. Dengan ini pengkaji dapat menghuraikan maksud dengan tepat.

3.6 PERSAMPELAN DATA

Sampel kajian ini ialah bahagian pertama *Thirukkural* iaitu (Aram) dan bahagian kedua *Thirukkural* iaitu kebendaan (Porul). Bahagian pertama mengandungi 38 bab dengan sejumlah 380 kural. Bahagian kedua mengandungi 70 bab dengan sejumlah 700 kural. Sejumlah 1080 kural telah dikaji. Perkataan atau frasa yang berfungsi sebagai metafora dipetik dan disenaraikan. Daripada 1080 kural, hanya 40 kural yang mengandungi

metafora dan ini khususnya menjadi sampel kajian ini.

3.7 Kesimpulan

Reka bentuk kajian yang ditentukan ialah kaedah kualitatif iaitu yang berbentuk kajian deskriptif. Bab ini menerangkan proses-proses kajian dari pengumpulan data-data metafora *Thirukkural* sehingga tahap penganalisan data. Selain daripada itu, kerangka atau tipologi pengkategorian jenis metafora serta strategi terjemahan metafora yang dipilih untuk dijadikan teras dalam kajian ini turut sama dibincangkan.

University of Malaysia

BAB 4

PENGANALISISAN DAN TAKSIRAN DATA

4.1 Pendahuluan

Dalam bab yang keempat ini, pengkaji akan memuatkan perbincangan penting meliputi analisis data dan dapatan kajian. Pengkaji mengenal pasti dan mengkategorikan metafora Tamil yang terdapat dalam *Thirukkural* berdasarkan Taksonomi Nilsen & Nilsen. Langkah seterusnya ialah pengkaji mengenal pasti strategi terjemahan metafora Newmark (1981) yang digunakan. Seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 3 sebelum ini, strategi terjemahan telah dilabelkan sebagai S1, S2, S3, S4, S5, S6, dan S7.

Perbincangan akan dibahagikan kepada empat bahagian. Pada bahagian pertama, pengkaji membincangkan analisis dan dapatan kajian secara keseluruhan. Jumlah keseluruhan metafora yang diperoleh daripada teks *Thirukkural* dan terjemahannya akan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Pada bahagian kedua, fokus diberikan kepada strategi terjemahan yang digunakan oleh penterjemah dalam usaha untuk menyampaikan maksud yang terkandung dalam metafora Tamil yang digunakan ke dalam bahasa Melayu. Setiap satu daripada strategi ini akan dibincangkan dan diberikan contoh penggunaannya dalam setiap kategori metafora yang telah dikenal pasti. Pada bahagian berikutnya, pengkaji menganalisis terjemahan metafora Tamil-Melayu berdasarkan rana sumber.

4.2 Dapatan Kajian Secara Menyeluruh

Hasil kajian yang dijalankan ke atas teks *Thirukkural* mendapati bahawa terdapat

penggunaan metafora yang merangkumi pelbagai bentuk, gaya dan struktur.

Pengkaji mendapati bahawa bentuk dan struktur metafora Tamil yang diperoleh daripada *Thirukkural* adalah amat mudah untuk dikategorikan berdasarkan taksonomi Nilsen & Nilsen. Perlu dinyatakan di sini bahawa pengelasan yang dibuat bukan bersifat hakiki memandangkan terdapat ungkapan yang boleh diletakkan dalam dua kategori yang berlainan.

4.2.1 Bentuk Metafora Konsepsi Tamil dalam *Thirukkural*.

Dalam *Thirukkural*, terdapat 40 metafora diletakkan dalam kategori-kategori metafora yang telah ditetapkan mengikut taksonomi Nilsen & Nilsen. Pengkaji mendapati kumpulan metafora Tamil terbesar dalam *Thirukkural* tergolong dalam kategori konkrit bukan hidup (KBH) dengan 25 sampel (62.5%) diikuti dengan kumpulan metafora abstrak sebanyak tujuh sampel (17.5%). Peratusan kumpulan metafora konkrit hidup tumbuhan sebanyak 10%. Kumpulan metafora konkrit haiwan sebanyak 7.5%. Manakala kumpulan terkecil terdiri daripada metafora konkrit hidup (KHD) iaitu sebanyak satu sampel (2.5%) sahaja.

Senarai keseluruhan data untuk kajian ini diletakkan pada Lampiran A. Berdasarkan 40 puluh sampel yang diperolehi, pengkaji mendapati bahawa penterjemah hanya menggunakan empat strategi Newmark sahaja.

Jadual 4.1 Jenis Metafora dalam *Thirukkural* berdasarkan Taksonomi

Nilsen & Nilsen

Metafora	Kekerapan	Peratus(%)
Konkrit bukan hidup	25	62.5
Konkrit hidup tumbuhan	4	10
Konkrit hidup	1	2.5
Konkrit haiwan	3	7.5
Abstrak	7	17.5
Jumlah	40	100

Bab ini membincangkan analisis yang dilakukan terhadap data yang telah dikumpulkan. Analisis ini tertumpu hanya kepada jenis metafora dan strategi penterjemahan metafora daripada teks *Thirukkural*.

JADUAL 4.2 Bilangan Kural Metafora dalam Bahagian Kebenaran.

Jumlah Bab	Jumlah Kural	Bilangan Metafora dalam Kural	Peratus %
38	380	22	5.7

Dalam bahagian Kebenaran, Thiruvalluvar cuba menerangkan prinsip-prinsip kehidupan yang harus dimiliki oleh setiap manusia. Terdapat sebanyak 380 kural yang telah dibahagikan kepada 38 bab yang berbeza. Bab pertama menekankan kepentingan menyembah Tuhan. Thiruvalluvar telah menggunakan unsur-unsur metafora dalam 22 kural (5.7%) pada bahagian Kebenaran. Bahagian Kebenaran mengutarakan perkara-perkara yang mengutamakan nilai-nilai moral yang paling asas. Kural-kural yang terkandung dalam bab pertama pada bahagian kebenaran memperlihatkan kehebatan

Thiruvalluvar dalam menyampaikan mesej atau nasihat yang ingin disampaikan.

JADUAL 4.3 Bilangan Kural Metafora dalam Bahagian Kebendaan.

Jumlah Bab	Jumlah Kural	Bilangan Kural Mengandungi Metafora	Peratus %
70	700	18	2.5

Bahagian Kebendaan (*Porul*) memberi penekanan kepada usaha manusia untuk mencari kekayaan dan ilmu demi kehidupan sempurna di dunia ini. Oleh yang demikian Thiruvalluvar telah membahagikan kandungan dalam bahagian ini kepada lima aspek, iaitu prinsip-prinsip yang perlu diamalkan dalam sesuatu kerajaan, jemaah menteri, politik, persahabatan dan aspek terakhirnya iaitu kebendaan. Thiruvalluvar cuba menerangkan prinsip-prinsip kehidupan yang harus dimiliki oleh setiap manusia. Terdapat sebanyak 700 kural yang dibahagikan kepada 70 bab yang berbeza. Bab kedua pula menekankan kepentingan kebendaan untuk kehidupan. Thiruvalluvar telah menggunakan unsur-unsur metafora dalam 18 kural (2.5%) Kebendaan. Thiruvalluvar telah menggunakan kiasan untuk memudahkan pemahaman tentang amanat atau mesej tentang nilai-nilai moral yang ingin disampaikannya.

Jadual 4.4 memberikan gambaran secara menyeluruh tentang kekerapan metafora yang telah digunakan oleh Thiruvalluvar dalam kedua - dua bahagian iaitu Kebenaran dan Kebendaan.

JADUAL 4.4 Peratus Kekekrapan Penggunaan Metafora pada Bahagian Kebenaran dan Kebendaan dalam Karya *Thirukkural*

Bahagian	Jumlah Metafora	Peratus % Penggunaan
Kebenaran	22	55
Kebendaan	18	45
	40	100.00

Jadual 4.5 di bawah ini memberikan gambaran secara menyeluruh tentang kekekrapan penggunaan metafora bahasa Tamil *Thirukkural* berdasarkan taksonomi Nilsen & Nilsen dalam kedua-dua bahagian iaitu Kebenaran dan Kebendaan.

JADUAL 4.5 Kategori Metafora pada Bahagian Kebenaran dan Kebendaan *Thirukkural* Berdasarkan Taksonomi Nilsen & Nilsen.

BIL	METAFORA	KEKERAPAN pada bahagian KEBENARAN	PERATUS (%)	KEKERAPAN pada bahagian KEBENDAAN	PERATUS (%)
1	Konkrit bukan hidup	11	50%	14	78%
2	Konkrit hidup tumbuhan	3	14%	1	5.5%
3	Konkrit Hidup	1	4.5%	-	-
4	Konkrit haiwan	1	4.5%	2	11%
5	Abstrak	6	27%	1	5.5%
	Jumlah	22	100	18	100

Berdasarkan data jadual di atas, pengkaji mendapati kategori metafora konkrit bukan

hidup telah digunakan dalam 12 kural pada bahagian Kebenaran *Thirukkural* iaitu sebanyak 54.5%. Manakala kategori metafora konkrit haiwan pula mencatatkan bilangan metafora yang rendah iaitu dalam satu kural (4.5%) sahaja.

Pada bahagian Kebendaan *Thirukkural* pula, hasil dapatan mencatatkan sejumlah 18 kural yang mengandungi metafora berdasarkan taksonomi Nilsen & Nilsen. Kategori metafora konkrit bukan hidup adalah lebih banyak iaitu sebanyak 14 kural (78%). Manakala kategori metafora konkrit hidup tumbuhan dan metafora abstrak adalah lebih rendah iaitu dengan hanya satu kural sahaja (5.5%).

Seterusnya, satu metafora dari setiap jenis metafora yang telah dikenal pasti berdasarkan Taksonomi Nilsen & Nilsen akan dijelaskan pada bahagian selanjutnya.

4.2.1.1 Metafora konkrit bukan hidup.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN				
1	மலர்மிசைஏகினான்மாண்டிசேர்ந்தார் நிலமிசைநீடுவாழ்வார். (3) Malarmisai Ekinaan Maanati Serndhaar Nilamisai Neetuvaazh Vaar	Sembahlah insan murni Illahi Nikmati inti pati puspa murni				
	<table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>METAFORA</td> </tr> <tr> <td>Hidup Bergembira</td> <td>Tanah</td> </tr> </table>	OBJEK	METAFORA	Hidup Bergembira	Tanah	
OBJEK	METAFORA					
Hidup Bergembira	Tanah					

Metafora yang terkandung dalam kural ini ialah benda konkrit bukan hidup iaitu tanah yang dikaitkan dengan hidup bergembira di alam bumi ini. Tanah ialah benda konkrit yang kekal dan tidak akan berubah. Manusia boleh menggunakan tanah untuk memenuhi keperluan mereka seperti menanam sayur-sayuran untuk mendapatkan bekalan makanan. Selain itu, mendirikan rumah, sekolah, bangunan dan lain-lain bergantung kepada keperluan manusia. Maka dengan benda konkrit tanah ini, seseorang manusia itu dapat memenuhi kehendaknya. Maka Thiruvalluvar mengaitkan tanah ini

dengan aspek dunia atau kebendaan yang dapat membawa kebahagiaan di muka bumi ini.

4.2.1.2 Metafora Konkrit Hidup Tumbuhan

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN				
1.	மலர்மிசை ஏகினான் மாண்டி சேர்ந்தார் நிலமிசை நீடுவாழ் வார். (3) Malarmisai Ekinaan Maanati Serndhaar Nilamisai Neetuvaazh Vaar <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>METAFORA</td> </tr> <tr> <td>Hati Manusia</td> <td>Bunga</td> </tr> </table>	OBJEK	METAFORA	Hati Manusia	Bunga	Sembahlah insan murni Illahi Nikmati inti pati puspa murni
OBJEK	METAFORA					
Hati Manusia	Bunga					

Metafora yang digunakan dalam kural ini ialah jenis konkrit hidup tumbuhan iaitu bunga yang dimetaforakan dengan hati sanubari. Bunga ialah benda yang lembut, mencirikan kecantikan dan keharuman. Sekiranya hendak menawan hati seseorang, sekuntum bunga boleh diberikan sebagai hadiah. Selain itu, manusia yang baik dikatakan memiliki hati yang lembut. Ciri-ciri bunga yang lembut boleh disamakan dengan hati manusia yang berbudi baik. Oleh yang demikian, Thiruvalluvar membandingkan bunga dengan hati manusia.

4.2.1.3 Metafora Konkrit Hidup

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN				
1.	பெற்றால் பெறின்பெறுவர் பெண்டிர் பெருஞ்சிறப்புப், புத்தேளிர் வாழும் உலகு.(58) <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>METAFORA</td> </tr> <tr> <td>Isteri suci</td> <td>Tuhan</td> </tr> </table>	OBJEK	METAFORA	Isteri suci	Tuhan	Isteri melahirkan anak dewasa Tinggi terdaya semegah singa.
OBJEK	METAFORA					
Isteri suci	Tuhan					

Metafora yang diterangkan dalam kural ini ialah jenis konkrit hidup iaitu isteri yang disamakan dengan Tuhan. Isteri dianggap sebagai seseorang wanita yang menjaga nama baik suami, berdisiplin dan menguruskan rumah tangga dengan cekap. Selain itu, isteri yang suci tidak akan melakukan perbuatan curang tetapi akan setia pada suami

sehingga ke akhir hayatnya. Maka isteri yang suci diibaratkan sebagai Tuhan yang Maha Esa.

4.2.1.4 Metafora Konkrit Haiwan

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN				
1.	படைகுடிக்கூழ் அமைச்சு நட்பு அரண் ஆறும் உடையான் அரசருள் ஏறு.(381)	Baginda sesinga, bermenteri, tentera Rakyat, kawan, kubu, harta.				
	<table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>METAFORA</td> </tr> <tr> <td>Raja</td> <td>Singa</td> </tr> </table>	OBJEK	METAFORA	Raja	Singa	
OBJEK	METAFORA					
Raja	Singa					

Singa merupakan haiwan yang garang dan megah dan digelar raja hutan. Maka sifat-sifat singa seperti ini disamakan dengan raja. Seorang raja perlu mempunyai ciri kemegahan serta ciri kepemimpinan untuk memimpin rakyat. Oleh yang demikian, Thiruvalluvar telah menggunakan metafora singa untuk dibandingkan dengan raja.

4.2.1.5 Metafora Abstrak

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN				
1.	பணிவுடையன் இன்சொலன் ஆதல் ஒருவற்கு அணியல்ல மற்றுப் பிற (95)	Kesopanan serta ucapan mesra Perhiasan manusia jelas ketara				
	Panivutaiyan Insolan Aadhal Oruvarku Aniyalla Matrup Pira <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>LAMBANG</td> </tr> <tr> <td>Kata- Kata Manis</td> <td>Barang perhiasan</td> </tr> </table>	OBJEK	LAMBANG	Kata- Kata Manis	Barang perhiasan	
OBJEK	LAMBANG					
Kata- Kata Manis	Barang perhiasan					

Berdasarkan kural di atas, kata-kata manis dimetaforakan kepada barang perhiasan. Barang perhiasan secara amnya disukai oleh manusia. Maka orang yang menggunakan kata-kata manis dalam perbualan mereka akan dianggap lebih bersantun. Maka Thiruvalluvar mengaitkan metafora barang perhiasan dengan kata-kata manis.

4.3 Analisis Strategi Terjemahan Metafora dalam *Thirukkural*

Sebelum menganalisis data, pengkaji ingin mengulang strategi-strategi terjemahan yang digunakan khusus untuk menjawab persoalan kedua kajian ini.

1. S1 – Menterjemah dengan mengekalkan metafora yang mempunyai ranah sumber atau imej yang sama dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu kerana boleh difahami.
2. S2 - Menterjemah menggunakan komponen sumber yang lain dalam bahasa Melayu tetapi yang membawa maksud yang sama seperti yang terkandung dalam bahasa asal.
3. S3 – Menukar metafora menjadi perumpamaan.
4. S4 – Mengekalkan metafora Tamil walaupun kedengaran janggal dalam Bahasa Melayu.
5. S5 – Menterjemah maksud metafora sahaja.
6. S6 – Pelepasan – Komponen metafora dalam ayat tidak diterjemahkan.
7. S7 – Parafrasa – Menterjemah dengan mengolah semula ayat.

Secara keseluruhannya, penterjemah telah menggunakan empat strategi terjemahan iaitu S1, S2, S4 dan S5 untuk menterjemah metafora yang terdapat dalam teks *Thirukkural*. Analisis data mendapati penterjemah lebih cenderung menggunakan strategi mengekalkan metafora yang mempunyai ranah sumber atau imej yang sama dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu dengan catatan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 62.5%, diikuti dengan strategi S5 iaitu menterjemah maksud metafora sahaja dengan catatan 27.5%. Strategi S4 yang merujuk kepada strategi mengekalkan metafora bahasa Tamil walaupun kedengaran janggal dalam bahasa Melayu merupakan strategi yang paling kurang digunakan iaitu sebanyak 2.5% sahaja. Dapatan ini boleh dilihat pada

jadual di bawah.

Jadual 4.6 Jumlah Kekekapan dan Peratus Penggunaan Strategi Terjemahan Metafora *Thirukkural* ke dalam bahasa Melayu.

Strategi	Kekekapan	Peratus(%)
S1	25	62.5
S2	3	7.5
S3	0	0
S4	1	2.5
S5	11	27.5
S6	0	0
S7	0	0
JUMLAH	40	100

Jadual 4.7 Senarai Strategi Penterjemahan berdasarkan Kategori Jenis Metafora

Nilsen & Nilsen (1978)

Metafora Strategi	KBH	KHT	KHD	KH	ABSTRAK	JUMLAH
S1	14	3	-	3	4	24
S2	1	-	1	-	1	3
S3	-	-	-	-	-	-
S4	-	1	-	-	-	1
S5	7	-	-	-	2	9
S6	3	-	-	-	-	3
S7	-	-	-	-	-	-

Seterusnya ialah perbincangan lanjut tentang penggunaan strategi-strategi di atas.

4.3.1 Strategi Mengekalkan Metafora yang Mempunyai Ranah Sumber atau Imej yang Sama dalam Bahasa Tamil dan Bahasa Melayu (S1).

Strategi ini digunakan sebanyak 23 kali atau 62.5% dalam penterjemahan *Thirukkural*.

Strategi S1 merupakan strategi yang paling menarik untuk dikaji kerana penggunaannya

yang memberikan gambaran bahawa pengguna bahasa Tamil dan bahasa Melayu boleh berkongsi beberapa perkara yang sama walaupun mempunyai latar belakang dan budaya yang berbeza.

Pengkaji memilih satu kural daripada setiap kategori metafora dan memperoleh sejumlah lima kural untuk menghuraikan strategi yang mengekalkan metafora yang mempunyai ranah sumber atau imej yang sama dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu.

Jadual 4.8 Penggunaan S1 dalam Penterjemahan Metafora.

Metafora \ Strategi	KBH	KHT	KHD	KH	ABSTRAK	JUMLAH
S1	14	3	-	3	4	25

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN								
1.	குழல்இனிது யாழ்இனிது என்பதம் மக்கள் மழலைச் சொல் கேளாதவர்.(66) <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>DILAMBANG</td> </tr> <tr> <td>Percakapan anak</td> <td>Bunyi Seruling</td> </tr> </table> (KBH)	OBJEK	DILAMBANG	Percakapan anak	Bunyi Seruling	Termerdu suara anak berbebel Tidak semerdu serunai gitar berbebel. <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>DILAMBANG</td> </tr> <tr> <td>Anak berbebel</td> <td>Serunai gitar</td> </tr> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Anak berbebel	Serunai gitar
OBJEK	DILAMBANG									
Percakapan anak	Bunyi Seruling									
OBJEK	DILAMBANG									
Anak berbebel	Serunai gitar									

Berdasarkan kural di atas, bunyi seruling dibandingkan dengan percakapan anak. Bunyi seruling amat menenangkan. Hati akan tenteram apabila mendengar bunyi merdu seruling yang dimainkan. Tetapi jika diteliti kural di atas, Thiruvalluvar mengatakan bunyi percakapan anak kecil lebih merdu daripada bunyi seruling. Maka orang yang tidak pernah dengar percakapan manis anak kecil akan mengatakan bunyi serulinglah yang merdu. Penterjemah juga menggunakan metafora instrumen muzik tetapi menggantikan seruling dengan dua buah alat muzik iaitu serunai dan gitar dalam versi Melayu kural ini. Perubahan ini mungkin berlaku kerana serunai ialah sejenis alat

muzik dalam kumpulan muzik tradisional Melayu dan merupakan salah satu daripada alat utama dalam persembahan wayang kulit Kelantan. Gitar juga lebih dikenali dan sering dimainkan oleh kaum Melayu berbanding dengan seruling, sebuah alat muzik yang menurut konteks agama Hindu, dikaitkan dengan Dewa Krishna. Maka dalam kedua-dua bahasa sumber dan sasaran, imej metafora ialah alat muzik untuk mengungkapkan kemerduan kata-kata yang diujarkan oleh anak kecil tetapi jenis alat muzik berbeza kerana penterjemah ingin memilih metafora alat muzik yang lebih sepadan dengan budaya bahasa penerima iaitu bahasa Melayu.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN								
2.	அன்பிற்கும் உண்டோ அடைக்குத்தாழ் ஆர்வலர், புன்கண்ணீர் பூசல் தரும்.(71)	Manatah palang meneguh cinta Titisan airmata bergenang ketara.								
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>OBJEK</th> <th>DILAMBANG</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kasih sayang</td> <td>Air mata</td> </tr> </tbody> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Kasih sayang	Air mata	<table border="1"> <thead> <tr> <th>OBJEK</th> <th>DILAMBANG</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Cinta</td> <td>Air mata</td> </tr> </tbody> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Cinta	Air mata
OBJEK	DILAMBANG									
Kasih sayang	Air mata									
OBJEK	DILAMBANG									
Cinta	Air mata									

Berdasarkan abstrak kural di atas, ungkapan ‘kasih sayang’ dibandingkan dengan ‘air mata’. Penterjemah juga menggunakan konsep metafora Tamil yang sama dalam bahasa Melayu iaitu cinta dibandingkan dengan ‘air mata’. Kasih sayang ialah perasaan cinta yang mendalam serta berkekalan yang lahir daripada hati yang ikhlas. Air mata meluahkan segala rasa yang terpendam dalam hati seseorang. Thiruvalluvar mengatakan bahawa walaupun seseorang itu memendam perasaan sayang dalam hatinya, air mata akan meluahkan perasaan kasih sayangnya. Maka penterjemah juga menyamakan cinta dengan metafora ‘air mata’.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN								
3.	அன்பின் வழியது உயர்நிலை அஃதிலார்க்கு, என்புதோல் போர்த்த உடம்பு. (80)	Inti kehidupan cinta julang Andai tidak segumpalan tulang								
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>OBJEK</th> <th>DILAMBANG</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tiada cinta</td> <td>Tulang dibalut kulit</td> </tr> </tbody> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Tiada cinta	Tulang dibalut kulit	<table border="1"> <thead> <tr> <th>OBJEK</th> <th>DILAMBANG</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Cinta</td> <td>Tulang</td> </tr> </tbody> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Cinta	Tulang
OBJEK	DILAMBANG									
Tiada cinta	Tulang dibalut kulit									
OBJEK	DILAMBANG									
Cinta	Tulang									

Badan manusia yang tidak mempunyai perasaan cinta diumpamakan sebagai tulang yang dibaluti kulit. Semua benda di alam ini merupakan ciptaan Tuhan dan manusia perlu menyayangi semua ciptaan yang Maha Esa. Penterjemah telah berjaya mengekalkan unsur metafora bahasa Tamil dalam bahasa Melayu sekali gus membolehkan pembaca sasaran dapat menghayati maksud asal kural.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN								
4.	எல்லா விளக்கும் விளக்கல்ல சான்றோர்க்குப் பொய்யா விளக்கே விளக்கு (299)	Pancaran sinar hakiki kebenaran Cahaya lain tidak kecerahan								
	<p>Ellaa Vilakkum Vilakkalla Saandrorckkup Poiyaa Vilakke Vilakku(Pelita)</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>OBJEK</th> <th>DILAMBANG</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kebenaran</td> <td>Pelita</td> </tr> </tbody> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Kebenaran	Pelita	<table border="1"> <thead> <tr> <th>OBJEK</th> <th>DILAMBANG</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kebenaran</td> <td>Cahaya</td> </tr> </tbody> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Kebenaran	Cahaya
OBJEK	DILAMBANG									
Kebenaran	Pelita									
OBJEK	DILAMBANG									
Kebenaran	Cahaya									

Bagi kural di atas, pelita digunakan sebagai metafora untuk menunjukkan kebenaran. Penterjemah dapat membawa ciri metafora Tamil ke dalam bahasa Melayu iaitu lambang cahaya untuk kebenaran. Walaupun penterjemah secara tidak langsung menggunakan pelita dalam kural dalam bahasa Melayu, beliau telah menggunakan maksud tersirat pelita iaitu cahaya untuk merujuk kepada kebenaran. Metafora cahaya dan pelita ialah satu lambang universal untuk segala yang positif atau baik. Hampir kesemua budaya menganggap pelita sebagai simbol kebenaran dan masyarakat yang mengamalkan kebenaran dalam kehidupan mereka seperti pelita yang menghilangkan kegelapan. Maka bukanlah suatu halangan bagi penterjemah untuk mengalihkan

metafora ini dari bahasa Tamil ke bahasa Melayu.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN								
5.	<p>தீயினாற்சுட்டபுண்உள்ளாரும்ஆறாதே நாவினாற்சுட்டவடு.(129)</p> <p>Theeyinaar Suttapun Ullaarum Aaraadhe Naavinaar SuttaVatu.</p> <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>DILAMBANG</td> </tr> <tr> <td>Kata – kata buruk</td> <td>Kesan luka</td> </tr> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Kata – kata buruk	Kesan luka	<p>Kulit dilecuri api sembuah Lecuran lidah meroyak seluruh</p> <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>DILAMBANG</td> </tr> <tr> <td>Lecuran lidah</td> <td>Kulit dilecuri api</td> </tr> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Lecuran lidah	Kulit dilecuri api
OBJEK	DILAMBANG									
Kata – kata buruk	Kesan luka									
OBJEK	DILAMBANG									
Lecuran lidah	Kulit dilecuri api									

Berdasarkan metafora abstrak kural di atas, jelas dapat dilihat bahawa penterjemah telah berjaya mengekalkan metafora Tamil tanpa mengubah maksudnya. Kata-kata kasar seseorang akan meninggalkan kesan atau parut yang mendalam di dalam hati seseorang yang lain sehingga sukar untuk dilupakan. Metafora dalam Tamil ialah “*naavinaal sutde vadu*” iaitu kata-kata buruk yang memberi kesan parut. Kata-kata buruk (iaitu lecuran lidah) dalam bahasa Melayu disamakan dengan kulit dilecuri api iaitu imej yang lebih kurang sama dengan kesan luka atau parut dalam bahasa asal. Sekali lagi penterjemah tidak menghadapi cabaran untuk mengekalkan metafora asal (kesan luka/parut) dalam bahasa sasaran kerana metafora tersebut juga digunakan dalam bahasa Melayu apabila merujuk kepada kata-kata yang menyinggung perasaan.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN								
6.	<p>இன்பம் விழையான் வினைவிழைவான் தன்கேளிர் துன்பம் துடைத்த ஊன்றும் தூண். (615)</p> <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>DILAMBANG</td> </tr> <tr> <td>Menolong saudara</td> <td>Tiang</td> </tr> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Menolong saudara	Tiang	<p>Sudi berjasa mencintai kewajipan Seibarat tiang tenaga kebaktian</p> <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>DILAMBANG</td> </tr> <tr> <td>Sudi berjasa</td> <td>Tiang tenaga kebaktian</td> </tr> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Sudi berjasa	Tiang tenaga kebaktian
OBJEK	DILAMBANG									
Menolong saudara	Tiang									
OBJEK	DILAMBANG									
Sudi berjasa	Tiang tenaga kebaktian									

Berdasarkan kural di atas, Thiruvalluvar mengatakan tentang pertolongan yang

seharusnya diberikan kepada saudara-saudara sewaktu mereka berada dalam keadaan hidup yang perit. Bantuan yang diberikan perlulah kukuh seperti sebatang tiang (iaitu tempat bergantung, sumber bantuan/kekuatan) pada mereka. Penterjemah menggunakan perkataan perumpamaan ‘seibarat’ dalam teks Melayu dan menjadikan bentuk perbandingan di sini sebuah simili bebanding dengan teks sumber yang tidak berbentuk simili tetapi metafora. Walau bagaimanapun, bagi skop kajian ini, tumpuan bukan hanya diberikan kepada bentuk atau struktur ayat perbandingan semata-mata, tetapi juga kepada pengekalan imej “tiang” yang berfungsi sebagai metafora. Istilah ‘tiang’ sebagai metafora yang dialih pada teks sasaran walaupun dalam bentuk ayat yang merupakan simili. Penterjemah menggunakan metafora ‘tiang’ dari kural asal tetapi menambah dengan ‘tenaga kebaktian’. Tambahan pada imej metafora asal iaitu ‘tenaga kebaktian’ membawa maksud kekuatan yang membolehkan seseorang membuat sesuatu pengorbanan yang setia seperti menolong orang lain dalam apa jua keadaan sekalipun. Strategi yang digunakan oleh penterjemah amat sesuai walaupun imej metafora asal melalui sedikit modifikasi yang menguatkan lagi maksud asal dalam bahasa sasaran.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN								
7	நிழல்நீரும் இன்னாத இன்னா; தமர்நீரும் இன்னஆம் இன்னா செயின்.(881)	Rendangan, air berjangkit bahaya Saudara berjijikan andainya beraniyai								
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>OBJEK</th> <th>DILAMBANG</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Saudara yang tidak baik</td> <td>Teduh dan air</td> </tr> </tbody> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Saudara yang tidak baik	Teduh dan air	<table border="1"> <thead> <tr> <th>OBJEK</th> <th>DILAMBANG</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Saudara berjijikan</td> <td>Rendangan, air</td> </tr> </tbody> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Saudara berjijikan	Rendangan, air
OBJEK	DILAMBANG									
Saudara yang tidak baik	Teduh dan air									
OBJEK	DILAMBANG									
Saudara berjijikan	Rendangan, air									

Bagi kural di atas, Thiruvalluvar menggunakan ‘teduh’ dan ‘air’ sebagai metafora untuk saudara yang tidak baik. Penterjemah menggunakan ‘rendangan’ dan ‘air’ untuk membawa maksud kural asal. Perkataan ‘rendangan’ membawa maksud yang hampir sama dengan ‘teduh’ kerana ‘rendangan’ berfungsi memberikan tempat untuk teduh pada manusia. Walaupun rendangan dan air pada asalnya adalah baik untuk manusia,

tetapi sekiranya rendangan dan air melampaui batasan, maka akan memberikan kesan yang buruk kepada manusia. Maka penterjemah menggunakan metafora rendangan dan air untuk menyampaikan maksud saudara yang membawa keburukan kepada kita. Strategi yang digunakan oleh penterjemah adalah sesuai untuk menerangkan maksud kural.

4.3.2 Strategi Menggunakan Komponen Sumber yang Lain dalam Bahasa Melayu (S2).

Penterjemah menggunakan strategi ini untuk menterjemah tiga daripada 40 kural yang dikaji bagi kajian ini. Peratusan penggunaan strategi ini sebanyak 7.5%.

Jadual 4.9 Penggunaan S2 dalam Penterjemahan Metafora.

Metafora Strategi	KBH	KHT	KHD	KH	ABSTRAK	JUMLAH
S2	1	-	1	-	1	3

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN								
1.	<p>உமுவார் உலகத்தார்க்கு ஆணிஅஃது ஆற்றாது எழுவாரை எல்லாம் பொருத்து. (1032)</p> <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>DILAMBANG</td> </tr> <tr> <td>Petani</td> <td>Paku</td> </tr> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Petani	Paku	<p>Memegang tenggala menyumbang berkat Petani roda penghidupan masyarakat</p> <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>DILAMBANG</td> </tr> <tr> <td>Petani</td> <td>Roda</td> </tr> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Petani	Roda
OBJEK	DILAMBANG									
Petani	Paku									
OBJEK	DILAMBANG									
Petani	Roda									

Kural di atas pula menunjukkan penggunaan kata ‘paku’ sebagai metafora untuk petani yang bercucuk tanam. Paku merupakan benda yang tajam dan digunakan untuk merapatkan dua buah benda. Bagi bait syair ini, Thiruvalluvar menekankan kekukuhan paku dengan petani yang penting dalam bidang pertanian. Penterjemah menggunakan

‘roda’ untuk membawa maksud kural asal. Perkataan ‘roda’ membawa maksud benda yang bulat dan berputar, digunakan untuk pergerakan pengangkutan. Jika tiada roda, maka pengangkutan tidak dapat dikendalikan. Oleh itu, penterjemah menggunakan roda untuk mencerminkan betapa pentingnya seseorang petani itu untuk kehidupan semua orang di dunia ini. Penterjemah menggunakan perkataan ‘roda’ berbanding dengan ‘paku’ kerana dapat menerangkan dengan jelas kepada masyarakat mengikut zaman ini.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN								
2..	பெற்றால் பெறின்பெறுவர் பெண்டிர் பெருஞ்சிறப்புப், புத்தேளிர் வாழும் உலகு.(58)	Isteri melahirkan anak dewasa Tinggi terdaya semegah singa.								
	<table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>DILAMBANG</td> </tr> <tr> <td>Tuhan</td> <td>Isteri suci</td> </tr> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Tuhan	Isteri suci	<table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>DILAMBANG</td> </tr> <tr> <td>Singa</td> <td>Isteri</td> </tr> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Singa	Isteri
OBJEK	DILAMBANG									
Tuhan	Isteri suci									
OBJEK	DILAMBANG									
Singa	Isteri									

Bagi kural di atas, Thiruvalluvar menggunakan perkataan ‘Tuhan’ untuk isteri yang suci. Isteri yang setia pada suami dianggap berada di suatu tempat yang agak tinggi. Tuhan ialah segala-galanya di dunia ini. Maka Thiruvalluvar menggunakan perkataan ‘Tuhan’ untuk menunjukkan ketinggian kehidupan isteri yang suci. Penterjemah juga menggunakan perkataan ‘singa’ untuk isteri. Singa merupakan binatang yang buas dan ganas. Singa juga digelar sebagai raja di hutan. Maka di sini penterjemah menggunakan singa sebagai komponen gantian untuk menerangkan sifat isteri yang semegah raja dan disanjung tinggi.

4.3.3 Mengekalkan Metafora Tamil Walaupun Kedengaran Janggal dalam Bahasa Melayu.

Jadual 4.10 Penggunaan S3 dalam Penterjemahan Metafora.

Metafora Strategi	KBH	KHT	KHD	KH	ABSTRAK	JUMLAH
S2	-	1	-	-	-	1

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN								
1	<p>மோப்பக்குழையும் அனிச்சம் முகந்திரிந்து நோக்கக்குறழியும் விருந்து (90)</p> <p>Moppak Kuzhaiyum Anichcham Mukandhirindhu Nokkak Kuzhaiyum Virundhu</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>OBJEK</th> <th>METAFORA</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Muka tetamu</td> <td>Bunga Anicham</td> </tr> </tbody> </table>	OBJEK	METAFORA	Muka tetamu	Bunga Anicham	<p>Anitca layu apabila dicitumi Tetamu hampa apabila dielakki</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>OBJEK</th> <th>METAFORA</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tetamu</td> <td>Anitca layu</td> </tr> </tbody> </table>	OBJEK	METAFORA	Tetamu	Anitca layu
OBJEK	METAFORA									
Muka tetamu	Bunga Anicham									
OBJEK	METAFORA									
Tetamu	Anitca layu									

Berdasarkan kural di atas, jelas dapat dilihat bahawa penterjemah telah mengekalkan metafora Tamil bunga ‘*anicham*’ walaupun kedengaran janggal dalam bahasa Melayu. Budaya melayan tetamu merupakan salah satu amalan hidup yang amat dititikberatkan dan disanjung tinggi dalam kalangan masyarakat Tamil. Thiruvalluvar mempunyai pemikiran yang unik dalam perbincangan beliau tentang adat tatacara melayan tetamu. Konsep budaya ini juga tidak ketinggalan dalam budaya masyarakat Melayu. Bunga ‘*annicham*’ ini dikatakan sangat sensitif kerana dikatakan akan menjadi layu setelah dihidu. Kejadian ini dikaitkan dengan muka tetamu yang layu kerana tidak dilayani dengan baik oleh tuan rumah. Dalam erti kata lain, tuan rumah yang tidak rela melayan tetamu dengan baik akan menimbulkan rasa kurang senang kepada tetamu. Maka penterjemah juga menggunakan perkataan ‘*anitca*’ layu dalam bahasa Melayu untuk

merujuk kepada muka tetamu yang tidak dilayan dengan baik. Walaupun perkataan ‘*anitca*’ merupakan perkataan bahasa Tamil, namun penterjemah mengambil keputusan untuk meminjam terus lambang atau metafora bagi menerangkan isi kural ini.

4.3.4 Strategi Menterjemah Maksud Metafora (S5).

Strategi ini digunakan dalam lapan kural daripada jumlah keseluruhannya.

Jadual 4.12 Penggunaan S5 dalam Penterjemahan Metafora

Metafora Strategi	KBH	KHT	KHD	KH	ABSTRAK	JUMLAH
S5	7	-	-	-	2	9

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER THIRUVALLUVAR	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN G.SOOSAI					
1.	<p>ஹவிப் பெருங்கடல் நீந்துவர் நீந்தார் இறைவன் அடிசேரா தார். (10) Piravip Perungatal Neendhuvar Neendhaar Iraivan Atiseraa Thaar</p> <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>METAFORA</td> </tr> <tr> <td>Kelahiran di dunia ini</td> <td>Laut</td> </tr> </table>	OBJEK	METAFORA	Kelahiran di dunia ini	Laut	<p>Insan warak sebatian petua Bersempat menempuh cabaran buana.</p> <table border="1"> <tr> <td>Huraian Maksud – tiada metafora Menempuh cabaran buana</td> </tr> </table>	Huraian Maksud – tiada metafora Menempuh cabaran buana
OBJEK	METAFORA						
Kelahiran di dunia ini	Laut						
Huraian Maksud – tiada metafora Menempuh cabaran buana							

Penterjemah telah menterjemahkan maksud metafora sahaja tanpa membawa imej metafora bagi kural di atas. Masyarakat Tamil mempercayai bahawa setiap benda hidup yang wujud di dunia ini mempunyai roh. Berdasarkan dosa dan pahala yang terkumpul semasa roh sesuatu benda hidup berada di dunia ini, roh tersebut akan melalui kehidupan semula (*incarnation*) di dunia ini. Kitaran lahir dan mati ini akan berulang sehingga roh tersebut dapat mendekati sisi Tuhan dan kelahiran semula tidak akan berlaku lagi. Thiruvalluvalar mengaitkan keseluruhan proses atau kitaran lahir, hidup

dan mati ini seperti menyeberangi lautan yang terbentang luas. Dalam bahasa Melayu, proses mengharungi kehidupan ini dihuraikan dengan inti pati maksud daripada kural asal dengan frasa ‘menempuh cabaran buana’, iaitu menghadapi cabaran dan dugaan dalam dunia ini. Imej metafora ‘lautan’ telah hilang dalam terjemahan ini kerana hanya ringkasan maksud diberikan keutamaan.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER THIRUVALLUVAR	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN G.SOOSAI								
2.	<p>இருள்நீங்கி இன்பம் பயக்கும் மருள்நீங்கி மாசறு காட்சி யவர்க்கு(352)</p> <p>Irulneengi Inpam Payakkum Marulneengi Maasaru Kaatchi Yavarkku</p> <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>METAFORA</td> </tr> <tr> <td>Gelap</td> <td>Neraka</td> </tr> </table>	OBJEK	METAFORA	Gelap	Neraka	<p>Kesedaran penglihatan berbalam jelas kegelapan lenyap kegembiraan teras</p> <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>METAFORA</td> </tr> <tr> <td>Lenyap kegembiraan</td> <td>Kegelapan</td> </tr> </table>	OBJEK	METAFORA	Lenyap kegembiraan	Kegelapan
OBJEK	METAFORA									
Gelap	Neraka									
OBJEK	METAFORA									
Lenyap kegembiraan	Kegelapan									

Penterjemah menterjemahkan maksud metafora bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu. Metafora bahasa Tamil ialah ‘gelap’ dan dimetaforakan sebagai ‘neraka’. Penterjemah menggunakan kegelapan untuk menerangkan kegembiraan yang lenyap. Istilah ‘neraka’ menjelaskan bahawa semasa seseorang itu hidup di alam bumi ini, dia melakukan perbuatan yang tidak baik dan akan memasuki neraka selepas meninggal dunia kelak. Di neraka, dia akan diseksa kerana perbuatan yang tidak baik itu. Oleh yang demikian, penterjemah menggunakan perkataan lenyap kegembiraan untuk menerangkan kegelapan.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER THIRUVALLUVAR	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN G.SOOSAI						
3	<p>நிறைநீர நீரவர் கேண்மை பிறைமதிப் பின்னீர பேதையார் நட்பு(782)</p> <p>Niraineera Neeravar Kenmai Piraimadhip Pinneera Pedhaiyaar Natpu</p> <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>METAPHOR</td> </tr> <tr> <td>Sahabat tidak berilmu</td> <td>Bulan sabit</td> </tr> </table>	OBJEK	METAPHOR	Sahabat tidak berilmu	Bulan sabit	<p>Persahabatan budiman bulan purnama Persahabatan pendusta rendah segala</p> <table border="1"> <tr> <td>Huraian maksud – tiada metafora</td> </tr> <tr> <td>Persahabatan pendusta</td> </tr> </table>	Huraian maksud – tiada metafora	Persahabatan pendusta
OBJEK	METAPHOR							
Sahabat tidak berilmu	Bulan sabit							
Huraian maksud – tiada metafora								
Persahabatan pendusta								

Contoh kural di atas menunjukkan bahawa penterjemah tidak menterjemahkan metafora bahasa Tamil iaitu *Piraimadhi* yang bermaksud ‘bulan sabit’ ke dalam bahasa Melayu. Thiruvalluvar membandingkan persahabatan orang yang tidak berilmu dengan anak bulan atau bulan sabit. Frasa ini bermakna persahabatan mereka tidak akan berkekalan selama-lamanya. Memiliki sahabat bukan sekadar memiliki seseorang atau beberapa orang teman untuk berkongsi cerita. Sahabat yang baik ialah mereka yang selalu berusaha memberikan teladan yang baik bagi kehidupan. Mereka menjadi inspirasi bagi diri seseorang untuk maju. Ketika mereka maju, mereka akan mendorong sahabat mereka untuk maju bersama. Sahabat yang tidak memiliki ciri-ciri baik seperti ini ialah sahabat yang tidak berilmu. Sama seperti bulan purnama yang semakin mengecil menjadi bulan sabit, persahabatan yang setia juga diumpamakan sebagai bulan purnama manakala bulan sabit pula merujuk kepada persahabatan yang tidak ikhlas. Penterjemah tidak menggunakan metafora bulan sabit dalam kural bahasa Melayu tetapi menggantikan imej bulan sabit dengan mengatakan ‘persahabatan pendusta rendah’ yang bermaksud persahabatan yang dianggap paling rendah ialah mereka yang berdusta atau tidak jujur pada kawan mereka.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER THIRUVALLUVAR	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN G.SOOSAI						
4	<p>பீல்பெய் சாகாடும் அச்சிறும் அப்பண்டம் சால மிகுத்துப் பெயின்.(475)</p> <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>METAPHOR</td> </tr> <tr> <td>Orang kalah</td> <td>Kereta berat rosak</td> </tr> </table>	OBJEK	METAPHOR	Orang kalah	Kereta berat rosak	<p>Banyak muatan bulu merak, Patahkan gander roda gerobak.</p> <table border="1"> <tr> <td>Huraian maksud – tiada metafora</td> </tr> <tr> <td>Banyak muatan patahkan gander roda</td> </tr> </table>	Huraian maksud – tiada metafora	Banyak muatan patahkan gander roda
OBJEK	METAPHOR							
Orang kalah	Kereta berat rosak							
Huraian maksud – tiada metafora								
Banyak muatan patahkan gander roda								

Contoh kural di atas menunjukkan bahawa penterjemah tidak menterjemahkan metafora Tamil iaitu ‘kereta berat rosak’ yang bermaksud orang yang kalah dalam bahasa Melayu. Thiruvalluvar membandingkan orang yang kalah itu seperti kereta yang

mampu menampung muatan yang banyak tetapi rosak. Penterjemah menterjemahkan maksud yang ingin disampaikan oleh Thiruvalluvar dengan menggunakan banyak muatan yang diangkut akan menyebabkan patahnya gander roda. Walaupun penterjemah menterjemah maksud metafora tetapi maksud yang ingin disampaikan dapat dihayati.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER THIRUVALLUVAR	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN G.SOOSAI					
5	அழுக்காறு அவாவெகுளி இன்னாச்சொல் நான்கும் இழுக்கா இயன்றது அறம்.(35)	Cemburu, tamak, marah, biadap Unsur menghalang perolehan sawab.					
	<table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>DILAMBANG</td> </tr> <tr> <td>Cemburu</td> <td>Kekotoran</td> </tr> </table>	OBJEK	DILAMBANG	Cemburu	Kekotoran	<table border="1"> <tr> <td>Huraian maksud – tiada metafora cemburu</td> </tr> </table>	Huraian maksud – tiada metafora cemburu
OBJEK	DILAMBANG						
Cemburu	Kekotoran						
Huraian maksud – tiada metafora cemburu							

Contoh kural di atas menunjukkan bahawa penterjemah sekali lagi tidak menterjemahkan metafora Tamil iaitu ‘kekotoran’ menjadi lambang atau metafora untuk cemburu. Kekotoran bermaksud sesuatu benda yang tidak bersih. Thiruvalluvar mengatakan bahawa kekotoran sebagai cemburu di hati. Cemburu membawa maksud iri hati. Tetapi dalam kural di atas, Thiruvalluvar mengatakan bahawa sifat cemburu itu sebagai kekotoran yang terpendam di dalam hati. Penterjemah terus menterjemah dengan menggunakan perkataan ‘cemburu’. Teknik ini membolehkan penterjemah untuk mengekalkan maksud yang ingin disampaikan oleh Thiruvalluvar.

4.4 Sejauh manakah penterjemah dapat mengekalkan maksud metafora dalam versi Tamil *Thirukkural* ke dalam bahasa Melayu?

Daripada analisis data metafora ke atas 40 kural, pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemah 25 metafora dengan mengekalkan metafora yang

mempunyai ranah sumber atau imej yang sama dan ini bermakna maksud metafora dapat dikekalkan. Selain itu, data juga jelas menunjukkan bahawa bentuk metafora daripada 11 kural tidak dapat dikekalkan tetapi maksud metafora dari kural bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu masih mampu diterjemahkan. Ini bermakna secara keseluruhannya sebahagian besar ($25 + 11 = 36$) maksud metafora dalam *Thirukkural* dapat disampaikan oleh penterjemah ke dalam versi bahasa Melayu.

Contoh kural yang mengekalkan maksud metafora dapat dilihat seperti di bawah:

நிறைநீர நீரவர் கேண்மை பிறைமதிப்
பின்னீர பேதையார் நட்பு(782)

Niraineera Neeravar Kenmai Piraimadhip
Pinneera Pedhaiyaar Natpu

OBJEK	METAFORA
Orang berilmu	Bulan purnama

Persahabatan budiman bulan purnama

Persahabatan pendusta rendah segala (782)

OBJEK	METAFORA
Persahabatan budiman	Bulan purnama

Penterjemah dapat mengekalkan unsur budaya bahasa Tamil ke dalam bahasa Melayu dengan membentuk metafora 'bulan purnama'. Bagi masyarakat kaum India, ciri bulan purnama ialah sesuatu yang agak tinggi nilainya. Orang yang berilmu diibaratkan seperti bulan purnama yang cantik dan bercahaya. Mereka akan memberikan dorongan kepada golongan yang kurang berilmu untuk menempuhi kehidupan ini.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN								
1	மோப்பக்குழையும் அனிச்சம் முகந்திரிந்து நோக்கக்குறழியும் விருந்து (90) Moppak Kuzhaiyum Anichcham Mukandhirindhu Nokkak Kuzhaiyum Virundhu	Anitca layu apabila diciumi Tetamu hampa apabila dielakki								
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>OBJEK</th> <th>METAFORA</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Muka tetamu</td> <td>Bunga Anicham</td> </tr> </tbody> </table>	OBJEK	METAFORA	Muka tetamu	Bunga Anicham	<table border="1"> <thead> <tr> <th>OBJEK</th> <th>METAFORA</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tetamu</td> <td>Anitca layu</td> </tr> </tbody> </table>	OBJEK	METAFORA	Tetamu	Anitca layu
OBJEK	METAFORA									
Muka tetamu	Bunga Anicham									
OBJEK	METAFORA									
Tetamu	Anitca layu									

Kural di atas menunjukkan bahawa penterjemah telah mengekalkan metafora Tamil bunga ‘*anicham*’ walaupun kedengaran janggal dalam bahasa Melayu. Budaya melayan tetamu merupakan salah satu amalan hidup yang amat dititikberatkan dan disanjung tinggi dalam kalangan masyarakat Tamil. Thiruvalluvar didapati amat unik dalam perbincangan beliau tentang adat tatacara melayan tetamu. Konsep budaya ini juga tidak ketinggalan dalam budaya masyarakat Melayu. Bunga ‘*annicham*’ dikatakan sangat sensitif kerana ia akan menjadi layu setelah dihidu. Kejadian ini dikaitkan dengan muka tetamu yang layu kerana tidak dilayani dengan baik oleh tuan rumah. Iaitu tuan rumah yang tidak melayan dengan baik menimbulkan rasa kurang senang hati kepada tetamu. Maka penterjemah juga menggunakan perkataan ***anitca*** layu dalam bahasa Melayu untuk merujuk pada muka tetamu yang tidak dilayan dengan baik. Walaupun perkataan ‘*anitca*’ adalah perkataan bahasa Tamil tetapi penterjemah meminjam terus lambang atau metafora untuk menerangkan isi kural ini. Hal ini demikian kerana penterjemah ingin mengekalkan unsur budaya Tamil dalam bahasa sasaran.

4.5 Kesimpulan

Metafora merupakan salah satu daripada elemen dalam ilmu bahasa yang sangat indah dan menarik. Kebolehan untuk memahaminya memerlukan suatu tahap imaginasi yang tinggi dan ilmu bahasa yang mendalam. Kesimpulannya, analisis keseluruhan dari sudut strategi penterjemahan menunjukkan bahawa penggunaan strategi pertama (S1- menggunakan ranah sumber yang sama dalam bahasa Melayu) lebih kerap diaplikasikan oleh penterjemah diikuti oleh S5 (memberikan maksud metafora sahaja), S2 (menggunakan komponen metafora bahasa Melayu yang sepadan dengan imej metafora sumber) dan S4 (mengekalkan metafora Tamil walaupun ia janggal dalam bahasa Melayu). Hasil analisis juga mendapati bahawa S3 (menukar

metafora menjadi perumpamaan) , S6 (pelepasan) dan S7 (parafrasa) tidak digunakan oleh penterjemah.

University of Malaya

BAB 5

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab terakhir ini akan merumuskan dapatan-dapatan penting yang diperolehi daripada kajian ini. Ia mengandungi empat bahagian. Bahagian pertama merumuskan seluruh kajian ini dengan menjawab persoalan kajian. Selain daripada itu pengkaji juga akan menghuraikan implikasi yang tercetus daripada kajian ini. Batasan serta cadangan untuk kajian pada masa depan akan turut dimuatkan dalam bab ini.

5.2 Rumusan Dapatan Kajian

Hasil daripada analisis data yang diperolehi di dalam bab empat dirumuskan dan dibincangkan berdasarkan persoalan kajian.

5.2.1 Jenis-jenis Metafora

Taksonomi Nilsen & Nilsen cukup sesuai untuk mengkategorikan metafora bahasa Tamil dalam *Thirukkural*. Pengkaji memilih taksonomi Nilsen & Nilsen (1978) ini untuk menyenaraikan metafora yang terkandung di dalam *Thirukkural* kerana Thiruvalluvar menggunakan metafora yang tergolong dalam unsur konkrit hidup, konkrit bukan hidup, abstrak dan konkrit haiwan.

Jadual 5.1 Jenis Metafora dalam *Thirukkural* berdasarkan Taksonomi

Nilsen & Nilsen

Metafora	Kekerapan	Peratus(%)
Konkrit bukan hidup	25	62.5
Konkrit hidup tumbuhan	4	10
Konkrit hidup	1	2.5
Konkrit haiwan	3	7.5
Abstrak	7	17.5
Jumlah	40	100

Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa metafora konkrit bukan hidup yang paling banyak (62.5%) digunakan di dalam bahagian *aram* (kebenaran) dan *porul* (kebendaan) dalam teks *Thirukkural*. Contoh metafora konkrit bukan hidup dapat dilihat di dalam kural 129 iaitu **kata-kata buruk** yang melambangkan **kesan luka**. Kesan luka pada diri seseorang tidak akan hilang walaupun lukanya sudah sembuh. Maka kata-kata buruk yang dikeluarkan oleh seseorang itu tidak akan mudah dilupai. Dalam kural 299, Thiruvalluvar menggunakan metafora konkrit bukan hidup iaitu **pelita** untuk **kebenaran**. Seperti pelita yang memberikan cahaya begitu juga kebenaran akan memberikan cahaya dalam hidup seseorang. Contoh seterusnya ialah di dalam kural 71 di mana **kasih sayang** dilambangkan dengan metafora **air mata** seseorang iaitu metafora konkrit bukan hidup.

BIL	<i>THIRUKKURAL</i> BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	<i>THIRUKKURAL</i> BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN				
1.	மலர்மிசை ஏகினான் மாண்டி. சேர்ந்தார் நிலமிசை நீடுவாழ் வார். (3) Malarmisai Ekinaan Maanati Serndhaar Nilamisai Neetuvaazh Vaar <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>METAFORA</td> </tr> <tr> <td>Hati Manusia</td> <td>Bunga</td> </tr> </table>	OBJEK	METAFORA	Hati Manusia	Bunga	Sembahlah insan murni Illahi Nikmati inti pati puspa murni
OBJEK	METAFORA					
Hati Manusia	Bunga					

Metafora yang digunakan dalam kural ini ialah jenis konkrit hidup tumbuhan iaitu bunga yang dimetaforakan dengan hati sanubari. Bunga ialah benda yang lembut, mencirikan kecantikan dan keharuman. Sekiranya hendak menawan hati seseorang, sekuntum bunga boleh diberikan sebagai hadiah. Selain itu, manusia yang baik dikatakan memiliki hati yang lembut. Ciri-ciri bunga yang lembut boleh disamakan dengan hati manusia yang berbudi baik. Oleh yang demikian, Thiruvalluvar membandingkan bunga dengan hati manusia.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN				
1.	பெற்றால் பெறின்பெறுவர் பெண்டிர் பெருஞ்சிறப்புப், புத்தேளிர் வாழும் உலகு.(58)	Isteri melahirkan anak dewasa Tinggi terdaya semegah singa.				
	<table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>METAFORA</td> </tr> <tr> <td>Isteri suci</td> <td>Tuhan</td> </tr> </table>	OBJEK	METAFORA	Isteri suci	Tuhan	
OBJEK	METAFORA					
Isteri suci	Tuhan					

Metafora yang diterangkan dalam kural ini ialah jenis konkrit hidup iaitu isteri yang disamakan dengan Tuhan. Isteri dianggap sebagai seseorang wanita yang menjaga nama baik suami, berdisiplin dan menguruskan rumah tangga dengan cekap. Selain itu, isteri yang suci tidak akan melakukan perbuatan curang tetapi akan setia pada suami sehingga ke akhir hayatnya. Maka isteri yang suci diibaratkan sebagai Tuhan yang Maha Esa.

BIL	THIRUKKURAL BAHASA TAMIL (METAFORA) SUMBER	THIRUKKURAL BAHASA MELAYU (METAFORA) SASARAN				
1.	பணிவுடையன் இன்சொலன் ஆதல் ஒருவற்கு அணியல்ல மற்றுப் பிற (95)	Kesopanan serta ucapan mesra Perhiasan manusia jelas ketara				
	Panivutaiyan Insolan Aadhal Oruvarku Aniyalla Matrup Pira <table border="1"> <tr> <td>OBJEK</td> <td>LAMBANG</td> </tr> <tr> <td>Kata- Kata Manis</td> <td>Barang perhiasan</td> </tr> </table>	OBJEK	LAMBANG	Kata- Kata Manis	Barang perhiasan	
OBJEK	LAMBANG					
Kata- Kata Manis	Barang perhiasan					

Berdasarkan kural di atas, metafora abstrak iaitu kata-kata manis dimetaforakan kepada barang perhiasan. Barang perhiasan secara amnya disukai oleh manusia. Maka orang yang menggunakan kata-kata manis dalam perbualan mereka akan dianggap lebih bersantun. Maka Thiruvalluvar mengaitkan metafora barang perhiasan dengan kata-kata manis.

Contoh untuk metafora konkrit haiwan boleh dilihat misalnya di dalam kural 381 dimana **Raja** dimetaforakan dengan **singa** dan di dalam kural 597 **orang yang bersemangat** dimetaforakan dengan **gajah**.

5.2.2 Strategi-strategi penterjemahan yang digunakan dalam pengalihan metafora dari *Thirukkural* ke dalam bahasa Melayu

Dapatan kajian yang diperolehi daripada penelitian yang dibuat adalah seperti berikut:

- (i) Sejumlah 40 metafora dalam kural atau 3.7% metafora yang terdapat di dalam teks sumber (bab *aram* dan *porul* dalam *Thirukkural*) telah berjaya diterjemahan seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4.6.
- (ii) Pengkaji mendapati bahawa hanya strategi terjemahan S1, S2, S4, S5 yang disyorkan unuk penyelidikan ini telah digunakan untuk menterjemah metafora dalam *Thirukkural*.
- (iii) Penterjemah tidak menggunakan strategi ketiga, keenam dan ketujuh Newmark dalam terjemahan metafora dalam *Thirukkural*.
- (iv) Strategi mengekalkan ranah sumber yang sama dalam bahasa Tamil dan Melayu (S1) paling kerap digunakan dalam kajian ini. Sejumlah 25 kural mewakili hampir 62.5% metafora diterjemah melalui kaedah ini. Penterjemah mengambil inisiatif untuk mengekalkan metafora yang mempunyai ranah

sumber atau imej yang sama dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu iaitu imej-imej universal yang boleh difahami oleh masyarakat sedunia.

- (v) Strategi menterjemah maksud metafora sahaja adalah sebanyak 11 kural iaitu 27.5%. Penterjemah menterjemah maksud metafora Tamil supaya pembaca Bahasa Melayu tidak keliru dengan makna asalnya.
- (vi) Strategi menterjemah menggunakan ranah sumber berbeza tetapi masih mengekalkan maksud yang sama (S2) berada pada kedudukan yang ketiga dengan peratusan penggunaannya iaitu 7.5%.
- (vii) Strategi mengekalkan metafora Tamil walaupun ia janggal dalam Bahasa Melayu (S4) digunakan agak rendah sekali iaitu sebanyak 2.5%. Penterjemah tidak banyak menggunakan strategi ini kerana ia tidak akan membawa kefahaman secara langsung kepada pembaca. Sedikit sahaja imej metafora Tamil dikekalkan dengan harapan keindahan bentuk bahasa metafora Tamil dapat dihayati oleh pembaca dalam bahasa sasaran.
- (viii) Pengkaji mendapati secara keseluruhannya metafora dalam *Thirukkural* telah diterjemahkan dengan baik kerana maksud metafora telah dialihkan.

5.2.3 Apakah strategi yang paling kerap digunakan?

Keputusan analisis strategi terjemahan berdasarkan taksonomi Newmark (1981) mendapati strategi pertama merupakan strategi paling kerap diaplikasikan oleh penterjemah iaitu sebanyak 25 kali (62.5%). Pengkaji telah menerangkan bahawa strategi menterjemah dengan mengekalkan metafora yang mempunyai ranah sumber atau imej yang sama ada dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu digunakan dengan meluasnya oleh penterjemah. Pada pendapat pengkaji strategi ini tidak merendahkan kualiti terjemahan tersebut.

5.3 Sejauhmanakah metafora bahasa Tamil *Thirukkural* dikekalkan dalam bahasa Melayu?

Secara keseluruhannya, penterjemah telah mengekalkan metafora bahasa Tamil *Thirukkural* ke dalam bahasa Melayu. Perkara ini jelas ternampak melalui strategi Newmark S1 (Menterjemah dengan mengekalkan metafora yang mempunyai ranah sumber atau imej yang sama dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu kerana boleh difahami) yang banyak digunakan oleh penterjemah. Contohnya dalam kural 782 metafora **bulan purnama** bahasa Tamil dikekalkan dalam bahasa Melayu untuk mencerminkan orang yang berilmu. Di dalam kural 3 penterjemah menggunakan metafora **bunga** dalam bahasa Tamil dengan metafora **puspa** dalam bahasa Melayu. **Puspa** bermaksud bunga dalam bahasa Tamil. Penterjemah menggunakan perkataan **puspa** untuk memberikan kesan pembacaan sama yang terdapat dalam kural bahasa Tamil. Dalam kural 90, penterjemah turut mengekalkan perkataan **anitca** iaitu nama sejenis bunga dalam bahasa Tamil. Ini membolehkan pembaca bahasa Melayu menghayati inti pati dan estetika yang terkandung dalam kural Tamil.

Menurut Newmark (1988, ms106), metafora budaya adalah yang paling sukar untuk diterjemahkan jika dibandingkan dengan metafora yang berbentuk peribadi atau universal. Abdul Wahab (1986) turut menjelaskan bahawa metafora budaya ialah metafora yang medan semantiknya, dari segi lambang dan makna, adalah terbatas pada suatu budaya sahaja.

5.4 Implikasi kajian

Aktiviti penyelidikan ini merupakan sebuah kajian penerokaan yang boleh dijadikan panduan kepada penyelidikan lain yang berkaitan dengan bidang penterjemahan

metafora. Data dalam *Thirukkural* adalah kaya dengan penggunaan bahasa yang indah. Maka teks ini boleh digunakan untuk mengkaji bahasa figuratif selain daripada metafora dengan menggunakan kaedah atau pendekatan yang lain.

Seperti yang dikatakan terlebih dahulu, sejumlah besar metafora Tamil dalam penyelidikan ini diterjemahkan dengan mengekalkan metafora yang mempunyai ranah sumber atau imej yang sama dalam bahasa Tamil dan bahasa Melayu kerana mudah difahami. Ini menunjukkan bahawa ada juga unsur-unsur budaya yang dikongsi di antara budaya Tamil dan Melayu

5.5 Kajian Lanjutan

Dewasa ini, bidang penterjemahan Tamil-Melayu semakin banyak diperkembangkan dalam pelbagai gaya dan bentuk seiring dengan kemajuan teknologi. Namun begitu, penyelidikan di antara dua bahasa ini sangat terhad. Maka pengkaji mendapati banyak aspek dalam bidang ini boleh dijadikan cadangan sebagai kajian lanjutan pada masa-masa akan datang. Antara cadangan kajian selanjutnya:

1. Mengkaji jenis metafora dan terjemahan metafora dalam bahagian *inbattupaal* (kenikmatan cinta dalam konteks sebelum dan selepas kahwin) dalam teks *Thirukkural* ke dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
2. Membuat kajian bandingan tentang penggunaan dan penterjemahan metafora di dalam serangkaian teks sastera klasik Tamil.

Sesungguhnya, memang menjadi hasrat pengkaji agar kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk memperkembangkan lagi bidang penterjemahan Tamil-Melayu dalam pelbagai cabang ilmu linguistik.

5.6 Penutup

Penyelidikan ini merupakan satu usaha untuk mendekati dan memahami cara pemikiran masyarakat penutur kedua-dua bahasa Tamil dan Melayu dalam aspek penggunaan metafora. Adalah diharapkan hasil penyelidikan ini dapat memberi sumbangan kepada dunia penterjemahan terutama sekali yang melibatkan kedua-dua bahasa ini dalam menuju ke arah dunia yang lebih saling faham-memahami.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan. (1993). *Bahasa Kiasan*. Jurnal Dewan Bahasa, 37(10),907-913
- Hassan & Ainon Mohd. (1995). *Antara Ilmu dan Ekonomi* [Electronic Version], Utusan Malaysia.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1995). Cabaran Pembangunan Manusia dan Teknologi Dalam Dunia Global dan Asia Pasifik, *Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara, Abad ke-21, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi*.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1995). *Bahasa Melayu sebagai Bahasa Penghantar Ilmu*, MASSA, 6(1), 22-49
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1995). Antara Bahasa dan Ekonomi. Utusan Malaysia, [Electronic Version], Utusan Malaysia.
- Abdullah Yusof. (2002). Unsur Ketersiratan Makna dalam Novel- Novel Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 2(7).60-64.
- Ainon Muhammad & Minda Mat Jenin. (1995). Lawan Minda Melayu Tradisional Lawan Minda Melayu Kontemporari, *Seminar Antarabangsa Minda Melayu: Menilai Diri Mencapai Wawasan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ainon Muhammad. (1987). *Panduan Menterjemah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Muhammad. (1985). *Bahasa Inggeris Memisahkan Masyarakat Bandar dan luar Bandar*, [Electronic Version], Utusan Malaysian.
- Alavijeh, A. Z. (2013) Image Metaphors of Color in Shahnameh. *Journal of American Science*, 9(2), 23-30.
- Asmah Hj Omar. (1997). *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bolinger, D. (1980). *Language: The Loaded Weapon*. London: Longman Group Ltd.
- Catford, J.C. (1965). *A Linguistic Theory of Translation*. London: Oxford University
- Catford, J. C. (1996). Teori Linguistik Bagi Penterjemah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Penulis), Uma A/P Iyavoo dan Koh Chung Gaik (Penterjemah).
- Devaneeyap.P. (2000). *Thirukkural Tamil Marabura* (2nd ed.).Chennai.Thamilman Publications.
- Dagut ,M.B (1976). Can Metaphor Be Translated? *babel*, 22(1),22-33, <https://doi.org/10.1075/babel.22.1.05dag>.
- Goh,S.S. (2010). *Persamaan Lambang dalam Terjemahan Peribahasa Bahasa Melayu-*

Bahasa Mandarin.

- Goh, S.S. (2011). *The Translation Strategies of Malay Proverbs into Malay (Bahasa Cina)*. International Conference "Translation and Asian Studies", 28-29 April 2011, The Chinese University of Hong Kong dan Stanford University, Hong Kong.
- Goh,S.S. (2012). Kebolehterjemahan Budaya Tabiat Bahasa Cina-Bahasa Melayu. *GEMA Online®Journal of Language Studies*, 12(1), 183-199.
- Hawkes, T. (1972). *Metaphor*. London: Methuen.
- Heriwati, M.R. (2018) *Strategi Penerjemahan Metafora Bahasa Inggris Ke Dalam Bahasa Indonesia Dalam Novel Life of Pi*. (Published Master's Thesis), Diponegoro University
- Jaafar Jambi (2001). *Terjemahan Bahasa Kiasan Dalam Novel 'Kokoro' Dari Bahasa Jepun Ke Bahasa Melayu-Satu Analisis*, Masters Thesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Kamus Dewan. (2002). (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. (2005) (4th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Karunaakaran,K & Jaya,V. (1993). *Kural Moliyum Neriyum, India*, Maniyam Pathippakam.
- Karunaanithi,M. (1996).*Thirukkural Kalainyar Urai*, Chennai, Tamilkani Pathippagam.
- Karshenas, H., & Ordudari, M. *Translation Procedures in Span of Time: A Case Study on Newmark's Translation Procedures in Two English Translations of Saadi's Gulistan*, 96-106, ISSN: 2308-5460
- Keraf, G. (1994). *Diksi dan Gaya Bahasa*.Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Lakoff, G. & Johnson, M. (1980). *Metaphors we live by*.Chicago IL: University Of Chicago Press
- Larson, M.L. (1998). *Meaning-Based Translation: a Guide to Cross-Language Equivalence*. (Lanham and London: University Press of America.
- Lau Yoke Lian. (2009). *Kajian metafora kata nama dan kata sifat dalam cerpen Bahasa Mandarin*. (Published Master's thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Looi,S.T. (2010). (Ed). *Found in Translation*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya.
- Lyons, J. (1977). *Semantics*, Melbourne: Cambridge University Press.
- Maanikkam.A. (2000). *Thirukkural Telivurai*, Chennai,Manivaasagar Patippagam.

- Mandali, A., & Che Omar, H. (2015). Aspek Metafora dalam Rentong dan Srengenge: Analisis Kaedah Penterjemahan dan Pemindahan Makna. *Jurnal Bahasa*, 15(2), 237-266.
- Mohamed Salleh Maheram Ahmad. (2015). *Tinjauan Literatur Penterjemahan Novel Melayu ke Bahasa Arab Literature Review on the Translation of Malay Novels into Arabic Noorsyuhada*, 37(2), 156-199.
- Mohanraj. K. (1987). *Thirukkural Aaivum Matippidum*, Chennai, Thirukkural aaivu Maiyam.
- Metzger, L. (2017). Penilaian Teori-teori Penterjemahan-Penyesuaian dan Penggunaan. *Journal of Modern Languages*, 1(2), 85-94. Retrieved from <http://jml.um.edu.my/index.php/JML/article/view/3974>
- Newmark, P. (1980). The Translation of Metaphor. *Babel*, 26, (2) 93-100.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to Translation: A Guide to Cross-Language Equivalence*. (Oxford: Pergamon Press).
- Nilsen, D. L. F & Nilsen A.P. (1978). *Language Play: An Introduction to Linguistics*. Massachusetts: Newbury house Publishers.
- Noor Hasnoor & Mohamad Nor. (2017). *Metafora anatomi dalam Bahasa Melayu / Noor Hasnoor Mohamad Nor*. (Published PhD thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia)
- Nureeda Salaemae. (2007). *Metafora dalam novel penulis wanita Melayu dan Thai analisis Semiotic*, Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
- Nurul Sabrina Zan. (2015). *Penterjemahan Metafora Bahasa Melayu ke Bahasa Sepanyol Melalui Bahasa Inggeris*, (Published Master's thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
- Nurulhanis Ibrahim. (2014). Analisis strategi penterjemahan Peribahasa Melayu ke Bahasa Arab. (Published Master's thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia)
- Ooi, H.B. (2013). *Strategi Penterjemahan Kata Nama Khas Dalam Teks Kesusasteraan Klasik Negara China Ke Bahasa Melayu*, Master's Thesis, University of Malaya.
- Press. Dagut, M. (1987). Can Metaphor be Translated, *Babel: International Journal of Translation*, 22 (1), 21-33.
- Palmer. F.R (1981). *Semantics*. Sydney: Cambridge University Press.
- Parera, J.D. (2004). *Teori Semantik*. Jakarta: Erlangga.
- Pradopo, Rahmat Djoko. (1994). *Stilistika dalam Buletin Humaniora No.1 tahun* Yogyakarta: Fakultas Sastra UGM.

- Rajantharan, M. (2003). *Karya Agung Tamil-Thirukkural*, Selangor. Persatuan Hindu Universiti
- Ramalingam, S. (2009). *Penggunaan bahasa kiasan dalam karya Thirukkural*. (Published Master's thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Saami, S. (2008). *Thirukkural 4 in 1*. India Subra Print Tech.
- Safian Hussain. (1998). *Glosari Istilah Kesusasteraan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sakina Sahuri Suffian Sahuri. (2000). *Manusia dan alam sebagai medan sumber metafora Melayu : satu kajian semantic*, (Published PhD thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia
- Sarinah Sharif. (2014). *Terjemahan kata kerja Bahasa Jepun ke Bahasa Melayu dalam sari kata filem animasi Jepun*, (Published PhD thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Siti Sarah Izham (2013). *Uslub metafora dalam al-Quran: kajian terhadap Surah al-kahfi*, (Published Master's thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sudhananda, B. (2003). *Thirukkural with couplets and English Meaning*, Chennai: Shree Shenbaga Pathigam.
- Sundaramoorthy, I. (1981). *Thirukkural Aninalam*, Chennai University of Madras.
- Suziana Mat Saad (2005). *Terjemahan Metafora Melayu ke Bahasa Perancis: Analisis Novel "Salina"*, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Shu, D.F. (2000). *Studies in Metaphor*. Shanghai : Shanghai Foreign Language Education Press.
- Syed Nurul Akla Syed Abdullah. (2006). *Metafora bukan antitesis terjemahan: Analisis merentas disiplin*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Thirukkural* Nuulgal. (2000). *Chennai, Tamil Valarchi Thurai*.
- Tumer, M. (1990). *Aspects of the invariance hypothesis*. *Cognitive Linguistics*, 1(2), 247-255
- Uci, T. W. (2016). *Analisis Penerjemahan Metafora Pada Novel Laskar Pelangi Ke Dalam Novel Niji No Shounen Tachi*. Diploma Thesis, Universitas Andalas.
- Yanbo, L. (2011). *Metaphors in Chinese Literary Translation : Case Study of Fortress Besieged*. Universidade De Macau.